



Pengenalan TAMADUN & PEMIKIRAN ISLAM KONTEMPORARI

Editor

Mohd Nasir Ayub
Ahmad Yumni Abu Bakar
Zanirah Mustafa

Pengenalan Tamadun dan Pemikiran Islam Kontemporari

Penyunting:

**Mohd Nasir Ayub
Ahmad Yumni Abu Bakar
Zanirah Mustafa**

Pengenalan Tamadun Dan Pemikiran Islam Kontemporari

Mohd Nasir Ayub
Ahmad Yumni Abu Bakar
Zanirah Mustafa

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada panel penulis.

ISBN 978-983-44499-9-5
Cetakan Pertama Januari 2011
Cetakan Kedua November 2011
Cetakan Ketiga Jun 2013

Reka bentuk dan ilustrasi kulit: Zakaria Muhamad

Diterbitkan Oleh:
Universiti Teknologi MARA
Peti Surat 187, 08100 Merbok, Kedah Darul Aman
<http://www.kedah.uitm.edu.my/>

Dicetak Oleh:
Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA
Peti Surat 187, 08100 Merbok, Kedah Darul Aman
<http://kedah.uitm.edu.my/library/>

Kandungan

Senarai Penyumbang

Perincian bab

Prakata

BAB 1	Konsep Tamadun Islam <i>Mohd Nasir Ayub</i>	1-51
BAB 2	Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam <i>Noor Hidayah Kassim</i> <i>Zanirah Mustafa</i>	52-101
BAB 3	Pemikiran Tamadun Islam <i>Salmah Hussin</i>	102-162
BAB 4	Perkembangan Tamadun Islam <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>	163-221
BAB 5	Islam Di Alam Melayu <i>Mohd Adib Shujja' Ahmad</i>	222-284

Glosari

Perincian bab

Bab 1: Konsep Tamadun Islam

Bab ini membicarakan tentang konsep asas dalam tamadun Islam. Menjelaskan definisi tamadun, asas-asas tamadun, sumber tamadun Islam, matlamat tamadun Islam dan ciri-ciri khusus tamadun Islam.

Bab 2: Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam

Bab ini membincangkan persamaan nilai antara tamadun seperti nilai-nilai kepercayaan, kemanusiaan, akhlak, sebagainya. Bab ini juga membicarakan juga faktor interaksi antara tamadun seperti faktor keserasian antara tamadun, peperangan dan sebagainya.

Bab 3: Pemikiran Tamadun Islam

Bab ini membincangkan hirarki ilmu dalam Islam, aspek politik dan pemerintahan, membicarakan tentang aspek pembangunan sosial umat Islam dan juga tentang pembangunan ekonomi umat Islam.

Bab 4: Perkembangan Tamadun Islam

Bab ini membincangkan tentang tamadun Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman Khulafa' Rasyidin, zaman keemasan tamadun Islam seperti kerajaan Umayyah, Abbasiyyah, Andalusia dan juga Uthmaniyah. Perbahasan juga memuatkan isu-isu kontemporari umat Islam.

Bab 5: Islam Di Alam Melayu

Bab ini membahaskan teori kedatangan Islam ke alam Melayu, faktor perkembangan Islam dan pengaruh Islam di alam melayu. Bab ini juga menyentuh tentang tamadun melayu sebagai asas pembinaan tamadun Malaysia dan sebagainya.

Prakata

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan berkat hidayah dan inayahNya, penulisan ini dapat disiapkan. Semoga bahan ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Kandungan buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu dalam bab pertama memuatkan perbincangan mengenai konsep Tamadun Islam. Manakala di bab yang kedua membicarakan mengenai nilai-nilai universal dalam Tamadun Islam. Bab ketiga membicarakan tentang pemikiran Tamadun Islam. Sementara itu, bab yang keempat menjelaskan tentang perkembangan Tamadun Islam dan dalam bab yang kelima menghuraikan mengenai Islam di Alam Melayu.

Kupasan tajuk-tajuk tersebut amatlah perlu untuk memberikan kefahaman serta keperihatinan kepada mahasiswa khususnya dan kepada masyarakat umumnya mengenai kesyumulan Islam itu sendiri sebagai wadah perpaduan dan model kehidupan manusia sejagat.

Kami mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua panel penulis buku ini kerana bertungkus lumus menyiapkannya. Tidak lupa sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua CITU UiTM Kedah, al-Fadil Ustaz Osman Abd Hamid di atas sokongan yang diberikan kepada panel penulis dalam menyusun buku ini. Diharapkan buku ini akan memberikan manfaat yang berguna kepada para pelajar UiTM dan segenap lapisan masyarakat bagi menelusuri kronologi tamadun dan pemikiran Islam klasik dan kontemporari serta membina kekuatan jati diri umat Islam demi mencapai kecemerlangan sepertimana yang digapai di zaman silam.

Wassalam

Panel Penulis

Senarai Penyumbang Dan Bidang Kepakaran

Mohd Nasir Ayub, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

Bidang : Syariah Dan Pemikiran Islam

Noor Hidayah Kassim, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

Bidang : Syariah (Fiqh Usul)

Zanirah Mustafa, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

Bidang : Syariah (Undang-Undang Dan Muamalat)

Ahmad Yumni Abu Bakar, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

Bidang : Akidah Dan Pemikiran Islam

Salmah Hussin, Pensyarah Kanan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah

Bidang : Pendidikan Islam

Mohd Adib Shujaa' Ahmad, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

Bidang : Syariah Islam

Perincian bab

Bab 1: Konsep Tamadun Islam

Bab ini membicarakan tentang konsep asas dalam tamadun Islam. Menjelaskan definisi tamadun, asas-asas tamadun, sumber tamadun Islam, matlamat tamadun Islam dan ciri-ciri khusus tamadun Islam.

Bab 2: Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam

Bab ini membincangkan persamaan nilai antara tamadun seperti nilai-nilai kepercayaan, kemanusiaan, akhlak, sebagainya. Bab ini juga membicarakan juga faktor interaksi antara tamadun seperti faktor keserasian antara tamadun, peperangan dan sebagainya.

Bab 3: Pemikiran Tamadun Islam

Bab ini membincangkan hirarki ilmu dalam Islam, aspek politik dan pemerintahan, membicarakan tentang aspek pembangunan sosial umat Islam dan juga tentang pembangunan ekonomi umat Islam.

Bab 4: Perkembangan Tamadun Islam

Bab ini membincangkan tentang tamadun Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman Khulafa' Rasyidin, zaman keemasan tamadun Islam seperti kerajaan Umayyah, Abbasiyyah, Andalusia dan juga Uthmaniyah. Perbahasan juga memuatkan isu-isu kontemporari umat Islam.

Bab 5: Islam Di Alam Melayu

Bab ini membahaskan teori kedatangan Islam ke alam Melayu, faktor perkembangan Islam dan pengaruh Islam di alam melayu. Bab ini juga menyentuh tentang tamadun melayu sebagai asas pembinaan tamadun Malaysia dan sebagainya.

Prakata

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan berkat hidayah dan inayahNya, penulisan ini dapat disiapkan. Semoga bahan ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Kandungan buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu dalam bab pertama memuatkan perbincangan mengenai konsep Tamadun Islam. Manakala di bab yang kedua membicarakan mengenai nilai-nilai universal dalam Tamadun Islam. Bab ketiga membicarakan tentang pemikiran Tamadun Islam. Sementara itu, bab yang keempat menjelaskan tentang perkembangan Tamadun Islam dan dalam bab yang kelima menghuraikan mengenai Islam di Alam Melayu.

Kupasan tajuk-tajuk tersebut amatlah perlu untuk memberikan kefahaman serta keperihatinan kepada mahasiswa khususnya dan kepada masyarakat umumnya mengenai kesyumuluan Islam itu sendiri sebagai wadah perpaduan dan model kehidupan manusia sejagat.

Kami mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua panel penulis buku ini kerana bertungkus lumus menyiapkannya. Tidak lupa sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua CITU UiTM Kedah, al-Fadil Ustaz Osman Abd Hamid di atas sokongan yang diberikan kepada panel penulis dalam menyusun buku ini. Diharapkan buku ini akan memberikan manfaat yang berguna kepada para pelajar UiTM dan segenap lapisan masyarakat bagi menelusuri kronologi tamadun dan pemikiran Islam klasik dan kontemporari serta membina kekuatan jati diri umat Islam demi mencapai kecemerlangan sepertimana yang digapai di zaman silam.

Wassalam

Panel Penulis

Senarai Penyumbang Dan Bidang Kepakaran

Mohd Nasir Ayub, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.
Bidang : Syariah Dan Pemikiran Islam

Noor Hidayah Kassim, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.
Bidang : Syariah (Fiqh Usul)

Zanirah Mustafa, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.
Bidang : Syariah (Undang-Undang Dan Muamalat)

Ahmad Yumni Abu Bakar, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.
Bidang : Akidah Dan Pemikiran Islam

Salmah Hussin, Pensyarah Kanan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah
Bidang : Pendidikan Islam

Mohd Adib Shujaa' Ahmad, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.
Bidang : Syariah Islam

BAB 2

NILAI-NILAI UNIVERSAL DALAM TAMADUN ISLAM

Noor Hidayah Kassim
Zanirah Mustafa

2.0 PENDAHULUAN

Persamaan dan perbezaan nilai sesebuah tamadun bergantung kepada perkara paling asas yang menjadi pegangan secara menyeluruh dalam tamadun tersebut. Perkara tersebut merujuk kepada pandangan semesta atau epistemologi (*world view*). Islam berpaksikan kepada sumber wahyu yang mengarahkan semua perkara yang dilakukan oleh umatnya perlu berada dalam lingkaran wahyu sahaja. Manakala barat ataupun tamadun selain Islam menjadikan manusia sebagai objek utama. Ini termasuklah batas keupayaan, pemikiran, siapa yang kuat dan siapa yang lemah menjadi ukuran siapa yang mampu menguasai dan siapa yang akan dikuasai. Fahaman kepada asas pegangan ini akan memudahkan pembacaan kita terhadap persamaan dan perbezaan nilai yang wujud dalam tamadun Islam dan tamadun-tamadun lain selainnya. Selain itu, faktor yang menjadi penyebab kepada kebersamaan atau perbezaan antara tamadun ialah doktrin, amalan agama dan ideologi serta ciri-ciri keturunan dan budaya.

2.1 MAKSUD NILAI UNIVERSAL

Nilai adalah rujukan dan keyakinan dalam menentukan pilihan. Yang dimaksudkan dengan hakikat dan makna nilai adalah berupa norma, etika, peraturan, undang-undang, adat kebiasaan, aturan agama dan rujukan lainnya yang memiliki harga dan dirasakan berharga bagi seseorang. Nilai bersifat abstrak, berada di sebalik fakta, memunculkan tindakan, terdapat

dalam moral seseorang, muncul sebagai hasil proses pemikiran, dan berkembang ke arah yang lebih kompleks.

Nilai juga dapat ditakrifkan mengikut bidangnya yang tertentu. Dalam ekonomi, nilai bermakna kuasa yang ada pada sesebuah komoditi untuk mendapatkan komoditi-komoditi lain sebagai ganti. Nilai boleh menjadi istimewa atau sebaliknya bergantung kepada cara melaksanakannya oleh manusia. Sebagai contoh, nilai udara yang dihirup adakalanya dianggap tidak penting kerana ia ada di mana-mana. Berbanding sesuatu produk yang diketahui tinggi nilainya yang boleh memberikan pulangan kepada manusia dalam bidang pertanian misalnya. Selalunya bagi perkara-perkara yang bersifat fitrah dan asas, nilainya tidak begitu dipentingkan oleh manusia. Sebaliknya jika ia boleh memberikan pulangan maka barulah dihargai dan dianggap positif.

Nilai universal pula secara mudahnya ialah nilai yang diterima umum dalam semua masyarakat. Terdapat sembilan nilai universal yang akan dibincangkan yang mewujudkan persamaan dan perbezaan. Walau bagaimanapun, aspek perbezaan nilai tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak dapat hidup secara aman dan harmoni.

2.2 PERSAMAAN NILAI ANTARA TAMADUN

a) Nilai Kepercayaan

Perlu diketahui bahawa titik yang menjadi pemisah antara kebersamaan dan perbezaan nilai antara tamadun Islam dan selainnya adalah dari segi kepercayaan. Walaupun penilaian dibuat melihat kepada nilai-nilai yang lain, didapati akan terdapat juga perbezaan walaupun sedikit disebabkan oleh prinsip asas tersebut. Tamadun Islam bersumberkan wahyu manakala yang selainnya adalah menjurus kepada keupayaan manusia. Tuhan tidak dijadikan asas penting, akan tetapi manusialah yang akan menjadi penentu sesebuah kemajuan dalam hidup. Islam menjadikan spiritual sebagai timbangan dalam menjana proses kehidupan, manakala barat melatakan aspek material sebagai neraca utama.

Fahaman daripada prinsip tersebut akan memberikan kita kepekaan yang tinggi bagi membincangkan aspek nilai ini. Walaupun setiap tamadun mempunyai dan mengamalkan nilai yang sama, akan tetapi pelaksanaannya dan kefahaman mengenainya adalah berbeza. Perbezaan yang wujud ini adalah berpunca daripada aspek dalaman yang meletakkan Allah sebagai matlamat utama dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan urusan.

Nilai kepercayaan ini dimiliki oleh setiap peringkat perkembangan tamadun (kecuali bagi mereka yang berfahaman tidak ada tuhan/atheis). Setiap manusia percaya bahawa terdapat suatu kuasa yang maha agung yang memiliki seluruh kehidupan. Bezanya adalah cuma dari segi kebenaran yang hakiki dan lurus. Islam merupakan agama yang benar. Kepercayaan, kebenaran dan hakikat suatu pegangan hanya wujud dalam Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Agama yang benar di sisi Allah adalah Islam*” (Surah Ali ‘Imran: 19).

Nilai kepercayaan ini merupakan nilai yang terpenting dalam tamadun Islam. Ia merujuk kepada asas tauhid yang meyakini bahawa Allah SWT adalah tuhan yang Maha Esa. Segala yang dilakukan untuk memajukan sesebuah tamadun, negara, masyarakat, komuniti dan lain-lainnya sehingga peringkat individu mesti meletakkan Allah SWT sebagai rujukan tertinggi. Dengan nilai kepercayaan yang teguh ini, perkembangan sesebuah tamadun itu akan berlangsung dengan penerapan nilai yang baik dan terpuji.

b) Nilai Ekonomi Dan Kebendaan

Nilai ekonomi atau kebendaan menjadi faktor terpenting pencapaian kemajuan di barat. Individu atau golongan yang berkuasa akan berada di atas manakala yang lemah akan berada di bawah. Dengan matlamat inilah maka barat menghalalkan semua perlakuan yang boleh mencapai matlamat walaupun dengan mengorbankan prinsip.

Ini berbeza dengan Islam di mana prinsip perekonomiannya atau untuk memiliki sesuatu haruslah melalui cara yang halal dan diredhai Allah SWT. Manusia hanyalah sebagai pemegang amanah dan bukan pemilik harta secara hakiki. Setiap pemilikan akan dipersoalkan kelak kerana

pemilik asal setiap yang ada di muka bumi ini adalah Allah SWT . Berbekalkan prinsip ini maka Islam menggariskan beberapa syarat dan peraturan dalam bab memiliki atau mendapatkan harta. Namun ini tidak bermakna Islam mengehadkan penganutnya untuk mengumpul harta dan menjana ekonomi. Ini terbukti dalam penjagaan lima objektif Maqasid Syariah, harta merupakan antara elemen penting yang harus dijaga. Harta mahupun kekayaan tidak dijadikan matlamat, tetapi ia hanya bertindak sebagai mekanisme ataupun alat untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

Bertitik tolak daripada pandangan semesta tamadun Islam juga, amalan-amalan ekonomi yang diharamkan seperti riba, menipu, rasuah, memeras ugut dan sebagainya amat ditegah. Walaupun dengan cara demikian, perkembangan ekonomi boleh juga berlangsung dengan jayanya akan tetapi keuntungannya amat sedikit dan berlaku dalam masa yang singkat. Paling penting ialah tegahan mengenainya sudah jelas terpapar dalam wahyu Allah SWT. Nilai ekonomi atau kebendaan ini bukan sekadar membincangkan mengenai keuntungan, tetapi nilainya yang tinggi adalah terletak kepada sejauh mana ketaatan yang jitu kepada Allah dapat diamalkan.

c) Nilai Kerja

Nilai kerja bermaksud etika atau budaya kerja. Terdapat tiga bentuk nilai kerja yang menjadi pengukur dalam sektor pekerjaan di dunia iaitu nilai kerja barat, timur dan Islam. Barat lebih melihat kepada keuntungan dari segi material berbanding etika yang sebenarnya. Nilai kerja timur dipelopori oleh Jepun dan Korea. Adalah menjadi sesuatu yang menakjubkan apabila Jepun yang musnah selepas diledakkan bom oleh Amerika Syarikat di Hiroshima mampu bangun dengan kadar masa yang pantas untuk menjadi sebuah negara maju yang amat disegani.

Rahsianya adalah terletak pada nilai kerja yang tinggi yang amat mementingkan disiplin. Banyak negara di dunia menjadikan Jepun sebagai contoh dalam hal sebegini. Akan tetapi, dunia tidak menyedari bahawa nilai kerja timur ini sebenarnya telah lebih lama dipelopori oleh Islam. Islam menggariskan etika kerja yang lebih bermoral berbanding segala etika yang

ada dalam dunia ini. Walau bagaimanapun, etika kerja Islam tidak begitu dipraktikkan dengan mengalihkan tumpuan dunia untuk lebih mencontohi Jepun dan Korea dalam perkara yang sama.

Dalam Islam setiap orang dituntut bekerja dan bertebaran di muka bumi untuk mencari rezeki yang Allah hamparkan untuk manusia. Allah SWT berfirman:

“Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagimu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezekiNya. Dan hanya kepadaNya lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan”.

(Surah Al-Mulk: 15)

Dr. Yusuf Qardhawi berkata bahawa yang dimaksudkan bekerja adalah suatu usaha yang dilakukan seseorang, baik secara sendiri atau bersama orang lain, untuk mengeluarkan suatu komoditi atau memberikan jasa. Islam membukakan pintu kerja bagi setiap muslim agar ia dapat memilih amal atau pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan, pengalaman, dan pilihannya. Islam juga tidak membatasi suatu pekerjaan secara khusus kepada seseorang kecuali demi pertimbangan kemaslahatan masyarakat dan lingkungan. Islam tidak akan menutup peluang kerja seseorang kecuali jika pekerjaan itu akan memberi kesan buruk kepada fizikal atau mental seseorang. Justeru, setiap pekerjaan yang memberikan kesan yang negatif diharamkan oleh Islam.

Dengan bekerja seseorang itu akan memperoleh penghasilan atau imbuhan yang dapat digunakannya untuk memenuhi nafkahnya dan keluarganya. Mencari nafkah dengan bekerja secara halal adalah menjadi suatu kewajipan setiap muslim. Namun, Islam membataskan cara menghasilkan sesuatu pekerjaan dengan syarat-syarat yang tertentu. Setiap pekerja muslim harus mengamalkan nilai kerja yang dibenarkan dalam Islam. Ini termasuklah menanamkan sifat iman dan takwa dalam diri, menyalurkan kemahiran pada jalan yang sepatutnya, jujur, mempunyai keazaman yang jitu, tawakal, bersifat *qana'ah* (sentiasa merasa cukup), seterusnya membersihkan harta perolehan melalui jalan zakat dan sedekah.

Dengan memenuhi syarat-syarat tersebut maka nilai yang terhasil daripada sesuatu pekerjaan itu akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT .

d) Nilai Kemanusiaan

Apabila membincangkan tentang nilai kemanusiaan ini, perkara paling penting yang perlu difahami ialah siapakah manusia? Manusia diciptakan Allah sebagai suatu makhluk yang mulia, mempunyai kehebatan yang tersendiri yang berfungsi sebagai khalifah. Justeru, secara logiknya, ciptaan yang hebat ini perlu diperlakukan mengikut tatacara yang sebaiknya. Siapakah pula yang perlu memperlakukan mereka dengan baik? Tidak lain dan tidak bukan adalah sesama manusia itu sendiri. Oleh kerana itu, terdapat nilai-nilai baik yang harus diaplikasikan bagi menjamin kedudukan mulia seseorang manusia.

Anugerah sejagat iaitu kasih dan nikmat yang dikurniakan Allah kepada manusia (Universality of divine favours to the human race). Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatnya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan jadikannya diantara kamu (suami-isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir..”

(Surah Al-Rum:21)

Nilai kemanusiaan merupakan suatu nilai yang mementingkan penghormatan terhadap hak-hak asasi dan kemuliaan insan. Nilai ini tidak akan wujud kecuali dengan wujudnya sebuah kelompok masyarakat yang masing-masing memahami hakikat kejadian manusia secara menyeluruh.

Manusia merupakan makhluk yang paling dimuliakan Allah sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami ciptakan manusia dengan sebaik-baik penciptaan”.

(Surah al-Tin:4)

Sebaik-baik penciptaan ini bukan hanya menjurus kepada sifatnya secara fizikal, tetapi paling penting adalah kepada anugerah akal yang tiada tolok bandingnya. Dengan akal inilah, semua manusia tidak kira agama, bangsa, darjat atau keturunan mampu menzahirkannya melalui kelakuan yang baik, berkasih sayang, saling membina, sentiasa memberi, menyokong dan sebagainya. Nilai kemanusiaan mementingkan tatacara seseorang manusia melayani manusia yang lain dengan layanan yang penuh dengan rasa tanggung jawab. Setiap manusia berhak memperoleh kebebasan dalam menjalani kehidupan tidak kira dalam penjagaan harta, bersuara, menyatakan pendapat atau sokongan, memelihara nama baik, haknya secara individu mahupun keturunannya dan lain-lain.

Dalam Islam, nilai diri seseorang insan itu amat dititiberatkan. Nilai diri ini berpaksikan kepada kepercayaannya kepada pandangan semesta dalam ajarannya bahawa setiap manusia perlu dimuliakan kerana manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang terbaik. Di samping itu juga, Islam mementingkan penjagaan hubungan sesama manusia selepas hubungannya dengan Allah .

e) Nilai Keadilan

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah SWT , menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah,

kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(Surah Al Maidah: 8)

Perkataan adil membawa maksud sama berat, tidak berat sebelah, tidak memihak atau berpihak kepada yang benar. Tetapi adil tidak selamanya harus sama berat ataupun sama besar. Dalam praktiknya, adil juga dapat didefinisikan sebagai sikap pertengahan (moderat), dan menempatkan sesuatu pada tempatnya. Islam adalah agama yang menjunjung tinggi nilai-nilai keadilan. Bahkan Allah SWT memerintahkan kita untuk tetap berlaku adil meskipun kepada orang atau pun kaum yang kita benci. Allah SWT juga memberikan darjat takwa kepada orang yang dapat berlaku adil.

Nilai dalam sesebuah prinsip keadilan amat besar ertinya dalam konteks perhubungan manusia. Sebagai contoh, salah satu bentuk keadilan yang wajib diamalkan adalah "keadilan sosial" yang bermaksud adil dalam membahagi harta kekayaan negara. Perbezaan jurang yang ketara antara golongan individu perlu dirapatkan dengan memberikan had batas monopoli orang-orang kaya di satu sisi dan berusaha untuk meningkatkan pendapatan orang-orang miskin di sisi yang lain. Dengan cara ini, setiap individu dapat sama-sama merasai kemakmuran dan kekayaan negara. Prinsip keadilan tidak hanya terhad pada pembahagian harta semata-mata. Ia juga diluaskan kepada pelbagai sudut.

Dalam kehidupan berumah tangga, dalam sektor pengajian, pekerjaan, komunikasi harian sesama manusia dan sebagainya. Selain Islam memerintahkan untuk berlaku adil, Islam juga mengharamkan kezaliman dan membanterasnya dengan bersungguh-sungguh samada kezaliman terhadap diri sendiri apatah lagi terhadap orang lain. Semakin lemah seseorang itu maka hukum menzaliminya menjadi semakin besar.

Rasulullah SAW pernah memberikan wasiat kepada Mu'az dengan sabdanya:

"Hati-hatilah terhadap doa orang yang dianiaya, kerana tidak ada hijab (halangan) antara doa itu dengan Allah"
(Hadis riwayat Muttafaqun 'Alaih)

f) Nilai Kekeluargaan

Semua manusia dari keturunan Nabi Adam a.s dan Hawa (Common Human Ancestry). Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dan diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isteri-Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan, lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namanya serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu."

(Surah Al-Nisa':1)

Dalam Islam, nilai kekeluargaan menjadi salah satu elemen penting untuk dipelihara. Ia menjadi salah satu aspek penjagaan penting dalam perkara Maqasid Syariah iaitu dalam perkara menjaga keturunan. Untuk membentuk sebuah keluarga, ia perlu bermula dari awal lagi iaitu dengan menjaga diri sendiri. Justeru, nabi berpesan kepada setiap umatnya dengan pesanan bahawa setiap individu adalah pemimpin dan sekurang-kurangnya pemimpin adalah ke atas diri sendiri. Jika diri sudah terpimpin, tahap seterusnya adalah untuk memimpin orang lain. Bagi kaum lelaki, tugas pemimpin yang seterusnya adalah dengan menjadi ketua keluarga dan bagi kaum wanita pula dengan memimpin urusan hal ehwal rumahtangga dan anak-anak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu maka janganlah engkau berkata mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “AH”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

(Surah Al –Isra’ :23)

Selepas daripada itu, cara pemilihan jodoh juga amat dititik beratkan dalam Islam. Seterusnya, tatacara pernikahan, hubungan sesama keluarga, sanak saudara dan sebagainya. Hasil daripada nilai kekeluargaan yang baik ini akan membentuk pula komposisi masyarakat yang baik. Semuanya akan tercerna dengan baik untuk membentuk pula selepasnya sebuah negara yang harmoni hasil daripada elemen-elemen murni sebuah keluarga yang dibentuk atas dasar Islam.

g) Nilai Keilmuan

Kelahiran tamadun Islam adalah berasaskan kepada ilmu berdasarkan wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah atas saranan supaya membaca (Surah al-‘Alaq). Ilmu merupakan elemen penting yang menjadi pemangkin pergerakan manusia. Akal manusia akan terdorong bersumberkan ilmu yang benar. Ilmu yang benar ini merujuk kepada semua ilmu yang bersumberkan wahyu.

Matlamat paling utama dalam menyalurkan ilmu kepada manusia adalah untuk membina sifat-sifat seseorang (*character-building*) ke arah yang lebih baik. Manusia digalakkan untuk menguasai alam sekitar melalui kekuatan ilmu yang ada dalam dirinya, bukan dengan menjadikan alam sekitar sebagai elemen pengaruh ke atas diri. Konsep mencari ilmu dalam Islam berbeza dengan tamadun-tamadun yang lain di mana cara perolehan ilmu ini mestilah berlandaskan kepada konsep tauhid. Proses transformasi

tidak akan berhasil sekiranya tujuan menuntut ilmu tidak mensasarkan Allah SWT sebagai matlamat utama. Sekiranya ini berlaku, maka akan lahirlah ramai jurutera yang selalu meminta rasuah, doktor yang menipu, kontraktor yang korupsi dan sebagainya. Islam memulakan sesuatu dengan sempurna dan pengakhirannya juga harus sempurna.

Umat Islam juga wajib berusaha memiliki kepakaran dalam ilmu keagamaan dan keduniaan. Kedua-duanya perlu seimbang bagi melahirkan mukmin yang profesional dan berdaya saing. Model ilmunan terkemuka Islam seperti para imam mazhab, Ibn Sina, Ibn Rusyd, al-Kindi, Ibn Batutah perlu dicontohi kerana kemahiran mereka dalam pelbagai bidang pengajian. Keistimewaan ini perlu dijadikan titik perbezaan bagi menolak kecelaruan budaya ilmu di kalangan sarjana barat yang lebih menekankan aspek materialisme. Budaya ini seterusnya akan menjerumuskan masyarakat ke dalam kancah bencana intelektualisme yang hebat.

h) Nilai Akhlak

Dalam syariat Islam juga merangkumi akhlak iaitu sistem nilai yang menjamin kehidupan yang beretika. Akhlak Islam bersifat *syumul* iaitu meliputi akhlak dengan Allah SWT, Rasulullah SAW, sesama manusia terutamanya ibu, bapa, guru, jiran dan termasuk sesama manusia walaupun dengan orang bukan Islam. Demikian juga akhlak Islam termasuk dengan alam persekitaran seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Penegasan soal akhlak dalam ajaran Islam menjadi faktor utama Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia. Justeru, Rasulullah SAW merupakan model akhlak yang terbaik kepada umat Islam dan manusia seluruhnya. Firman Allah yang bermaksud:

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepada Muhammad),engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu) dan kalau engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka akan lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka

lakukan kepadamu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan (juga) bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan soal-soal keduniaan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadanya..”

(Surah Ali-‘Imran:159)

Dalam Tamadun Cina, terdapat konsep *dao* (jalan). Begitu juga pemikiran tentang *li* (tatasusila). Menerusi konsep ini, Konfusius menekankan peraturan akhlak dan peraturan kehidupan berasaskan 3 perkara iaitu peraturan perhubungan manusia dengan Tuhan, peraturan perhubungan manusia dengan manusia dan peraturan perhubungan politik. Selain itu, Konfusius juga menekankan konsep *zhong yong* iaitu kesederhanaan. Segala perlakuan manusia perlulah sederhana dan tidak bersetuju kekerasan sebagai jalan penyelesaian.

Dalam Tamadun India, Hinduisme berpaksikan idea *dharma* (tanggungjawab) dan *karma* iaitu doktrin perbuatan; baik akan mendapat balasan baik sebaliknya buruk akan mendapat balasan buruk. Masyarakat perlu mematuhi etika yang ditetapkan agar kehidupan barunya lebih baik dan mendapat matlamat dalam mencapai *mokhsa*.

i) Nilai Alam Sekitar

Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT yang diamanahkan kepada manusia untuk dimanfaatkan sebaik mungkin. Dalam agama Islam menekankan hubungan yang harmonis dengan alam dan melarang sebarang tingkah laku dan perbuatan yang bersifat *fasad*. Sehubungan ini, penggunaan alam sekitar dikawal oleh hukum Islam terutamanya konsep halal dan haram. Alam merupakan tanda kekuasaan dan kehebatan Allah SWT yang Maha Pencipta. Justeru, Allah SWT telah menentukan adab dan akhlak manusia dengan alam termasuk makhluk ghaib.

Tamadun-tamadun lain selain Islam juga menitik beratkan aspek penjagaan alam ini. Sebagai contoh dalam Tamadun Cina khususnya ajaran Tao, alam dianggap sebagai “ibu” atau *dao*. Ini menunjukkan bumi sebagai entiti yang perlu dimuliakan. Dalam Buddhisme dan Shinto pula hubungan harmonis manusia dengan alam ditekankan melalui konsep *esho fui*, iaitu manusia dan alam saling memerlukan. Firman Allah yang bermaksud:

“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia (timbul yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

(Surah al-Rum: 41)

Penjagaan alam sekitar merupakan isu sejagat yang mendapat perhatian daripada semua golongan manusia. Hanya mereka-mereka yang tidak bertamadun sahaja yang akan merosakkan keindahan alam, mencemarkan sungai, membakar hutan sewenang-wenangnya tanpa pengawasan dan lain-lain. Allah SWT tidak menciptakan alam dengan sia-sia. Daripada alam ini, manusia dapat belajar mengenai pelbagai perkara yang mengilhamkan sesuatu yang baru. Sebagai contoh, teknik pencahayaan dan mewarnakan ruang diaplikasikan daripada langit yang luas ataupun berdasarkan warna tumbuh-tumbuhan di sekitarnya. Pembinaan kubah masjid, ruang solat dan sebagainya juga diterjemahkan melalui pengamatan yang tinggi terhadap penciptaan alam. Justeru, hubungan antara manusia dan alam adalah amat intim dan tidak seharusnya dikotorkan dengan perlakuan yang tidak bertamadun.

Semua nilai-nilai ini amat dititik beratkan dalam sesebuah tamadun. Cuma pelaksanaannya bergantung kepada kerangka agama yang menjadi dasar anutan masyarakat yang membangunkan tamadun tersebut.

2.3 INTERAKSI ANTARA PELBAGAI TAMADUN

Manusia diciptakan dalam keadaan yang lemah. Manusia memerlukan bantuan dalam meneruskan kehidupan masing-masing. Tidak ada satu bangsa pun yang maju di dunia ini tanpa percampuran dan perkongsian dengan bangsa-bangsa lain. Begitu juga dengan tamadun Islam, sikap keterbukaan dalam tamadun Islam telah menerima perkongsian ini dalam rangka memantapkan lagi tamadun Islam itu sendiri.

2.3.1 Maksud Interaksi Dalam Tamadun

Menurut Kamus Dewan, perkataan interaksi membawa maksud sesuatu tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain atau tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Manakala dalam ilmu ketamadunan, interaksi merupakan proses sosial hasil daripada situasi pertembungan antara budaya dan peradaban atau pendokong-pendokong budaya dan peradaban (*bearers of culture/civilization*) itu sendiri ataupun pertembungan itu boleh berlaku tanpa pendokong-pendokongnya. Interaksi merupakan hubungan aktif yang saling bertindak balas atau saling mempengaruhi antara satu sama. Agama, pegangan nilai, bahasa, budaya, adat dan sistem sosial mempengaruhi interaksi pelbagai tamadun (Ahmad Zaki Abd. Latiff: 2009).

Proses interaksi boleh berlaku dengan pelbagai cara antaranya melalui kehidupan bersama, perdagangan, peperangan, penjelajahan dan penerokaan, pembukaan dan penjajahan, media mahupun hiburan. Ia boleh dilihat dalam proses rentasan persempadanan akibat pertembungan agama, bahasa, adat resam, makanan, pakaian dan sebagainya. Secara tidak langsung menyaksikan peradaban yang besar serta kuat akan mendominasi peradaban yang kecil. Pada umumnya, terdapat empat jenis interaksi yang boleh menggambarkan berlakunya interaksi antara tamadun iaitu interaksi fizikal, interaksi teologi atau agama, interaksi sains dan teknologi dan interaksi budaya (Zulkifli Dahalan: 2009).

Terdapat beberapa perkara yang memudah dan menyusahkan proses interaksi. Faktor-faktor pemudah interaksi seperti ideologi politik

yang sama serta hubungan diplomatik, kedudukan geografi yang berdekatan, hubungan sosial seperti perkahwinan campur dan penyebaran agama, keadaan penduduk dan persekitaraan yang aman, kegiatan ekonomi dan aktiviti keilmuan. Manakala faktor yang menyulitkan interaksi seperti ideologi politik berbeza, peperangan, kedudukan geografi yang jauh, bahasa yang berbeza dan seumpamanya. Bagaimanapun, faktor tersebut mungkin menyusahkan interaksi, bukan menghalang proses interaksi antara tamadun. Ini kerana, dalam zaman teknologi maklumat kini, batasan geografi bukan lagi menghalang kepada proses interaksi antara tamadun.

2.3.2 Jenis-Jenis Interaksi

Interaksi di antara tamadun terbahagi kepada 2 jenis iaitu interaksi dalam lingkungan budaya dan bangsa yang sama dan interaksi membawa kepada perubahan (Ahmad Zaki Abdul Latiff: 2009). Interaksi dalam lingkungan budaya dan bangsa yang sama antaranya adalah semua sempadan adalah sama, perbezaan kecil dari segi variasi kerana perbezaan geografi, mudah berinteraksi dan perubahan adalah kecil, malah berlaku pemantapan (positif) dan tertutup (negatif), devian mudah dikenali dan ditolak kerana masih mengekalkan sempadan yang ada. Misalnya teorisme dan ajaran sesat, pemimpin yang ingin menguasai dunia akan menimbulkan kacau-bilau dan peperangan, semangat nasionalisme yang sempit (ultranasionalisme) seperti usaha Jepun meletakkan seluruh dunia di bawah satu bumbung penguasaan Jepun atau *hakko-ichui* iaitu membawa kepada penglibatan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, persaingan menguasai sumber ekonomi negara lain bagi memenuhi keperluan ekonomi kapitalis seperti negara-negara Barat menjajah hampir seluruh dunia dengan matlamat 3G. (Ahmad Zaki Abdul Latiff: 2009).

Manakala interaksi membawa kepada perubahan ialah interaksi dalam lingkungan budaya dan bangsa yang sama, interaksi antara budaya dengan peradaban yang berbeza, interaksi antara peradaban yang dominan dengan yang tidak dominan, interaksi antara peradaban yang setara sederhana (Ahmad Zaki Abdul Latiff: 2009).

2.3.3 Faktor Penghalang Interaksi

Antara faktor-faktor yang menjadi penghalang interaksi antara tamadun ialah di sebabkan kedudukan geografi atau daerah yang membataskan perhubungan antara satu tamadun dengan tamadun yang lain. Selain itu di sebabkan semangat nasionalisme yang sempit (unilateral), maka bermakna rasa cinta dan rasa tanggungjawab terhadap negara dan bangsa perlu ada dalam diri masing-masing kerana ia adalah suatu yang positif serta digalakkan oleh Islam, bahkan Islam telah menetapkan beberapa garis panduan untuk mencapai objektif patriotisme tersebut.

Malah menurut pandangan Islam juga, berbakti kepada negara dan bangsa adalah suatu yang sangat dituntut. Faktor seterusnya adalah tiada sikap toleransi di kalangan kaum migran dan bukan migran. Perkara ini menyebabkan masing-masing membuat haluan sendirian, tiada sikap saling bekerjasama dan bersatu padu. Selain itu, masalah penggunaan bahasa juga menghasilkan komunikasi yang kurang berkesan dan keakraban tidak terjalin kerana penggunaan bahasa yang lebih kepada kaum masing-masing (kebangsaan, antarabangsa dan etnik). Teologi iaitu kepercayaan berbeza sama ada agama Islam dan bukan Islam. Ini merupakan faktor yang paling besar menjadi penghalang berlakunya interaksi antara tamadun. Masyarakat sangat menitik beratkan kepercayaan dan menegakkan pegangan masing-masing yang telah wujud sejak turun temurun.

Antara faktor lain adalah dari aspek ekonomi, penguasaan ekonomi lebih dikuasai bukan bumiputera majoriti berbanding bumiputera hanya minoriti yang mendominasi ekonomi negara manakala penguasaan politik di dominasi oleh majoritinya dari bumiputera dan minoriti bukan bumiputera. Terdapat juga beberapa aspek atau bidang yang tidak wujud kumpulan dominan iaitu setara atau tiada mana-mana kumpulan yang menguasai atau mahir dalam sesuatu bidang maka ia tidak dapat menjadi contoh kepada yang lain.

Pemikiran penjajah iaitu ideologi dari luar misalnya samada dipengaruhi dari pendidikan barat, status sosial banyak mengikut rentak barat, kurang penguasaan teknologi, konflik dan pergaduhan antara etnik, peperangan dan keselamatan yang tidak terjamin, jurang kehidupan antara

golongan yang mengamalkan cara hidup tradisional dan moden dan kefahaman masyarakat mengenai definisi bangsa, budaya dan peradaban juga menjadi faktor penghalang interaksi antara tamadun. (Ahmad Zaki Abd.Latiff: 2009).

2.3.4 Bentuk Interaksi Negatif

Sikap ingin mewujudkan saling berinteraksi dengan tamadun lain merupakan ransangan kepada kehidupan bertamadun. Hal ini kerana sikap toleransi kepada sumbangan tamadun lain menggambarkan sikap terbuka untuk menerima nilai-nilai yang baik daripada tamadun tersebut dan seterusnya membantu kepada kemunculan tamadun baru. Misalnya tamadun Islam menerima sumber-sumber ilmu daripada tamadun China, India, Parsi dan sebagainya. Walaubagaimanapun, setiap tamadun mengalami kemerosotan masing-masing.

Tidak dapat di nafikan bahawa terdapat beberapa tamadun berlangsung untuk satu tempoh masa yang begitu panjang . Misalnya tamadun Romawi berlangsung dari zaman Augustas sehingga ke zaman Aurelius (30 SM-180M). Begitu juga dengan tamadun Islam Uthmaniyah dari tahun Masihi 1299 sehingga 1922, lebihdaripada enam abad. Namun benarkah kemerosotan sesebuah tamadun itu disebabkan hukum sejarah yang pasti berputar setiap masa? (Ahmad Zaki Abdul Latiff: 2009).

Menurut pendapat Ibn Khaldun, kemerosotan sesebuah tamadun itu adalah putaran sejarah (cyclic history). Pada peringkat awal ia berjaya kerana nilai-nilai yang baik, tetapi selepas mencapai kejayaan, nilai-nilai tersebut merosot akibat daripada limpahan kemewahan dan penyelewengan. Sebaliknya, para sarjana yang lain berpendapat bahawa sesebuah tamadun itu merosot bukanlah disebabkan hukum sejarah. Kemerosotan sesebuah tamadun itu boleh dielakkan sekiranya mereka belajar daripada sejarah dengan mengekalkan nilai-nilai yang baik (Ahmad Zaki Abdul Latiff: 2009).

Antara contoh-contoh interaksi negatif yang pernah berlaku antaranya ialah Perang Salib yang merupakan siri peperangan di antara pihak Islam dengan pihak Kristian. Ia juga merupakan kemuncak

ketegangan perhubungan di antara Islam dan Kristian iaitu semenjak pihak Islam berjaya meluaskan kekuasaannya di Barat, Afrika dan setelah berjaya menumbangkan kerajaan Byzantine. Dinamakan Perang Salib kerana tentera Kristian memakai pakaian tentera bertanda salib. Motif peperangan keagamaan dan sekular. Peperangan berpunca dari keinginan pihak Kristian untuk menguasai Baitul-Muqadis. Peperangan mula meletus apabila Paus menyeru supaya penganut-penganut Kristian bersatu agi menundukkan Islam serta menguasai semula wilayah-wilayah yang telah dikuasai Islam terutamanya Baitul-Muqaddis, kota suci bagi Islam, Kristian dan Yahudi. Peperangan berlarutan selama hampir dua abad iaitu dari 1095-1291M dan berlaku dalam tujuh peringkat. Negeri-negeri terlibat : Mesir, Iraq, Syria, Afrika Utara, Sepanyol dan Hijaz. Tokoh-tokoh utama yang terlibat dalam perang salib seperti Richard, Raja Philips Augustus, Raja Federick Babarosa dan Sultan Salahuddin al-Ayubi (http://ms.wikipedia.org/wiki/Perang_Salib)

Selain itu peristiwa pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi oleh pemeluk agama Kristian Eropah pada abad ke-9, ke-8 dan abad ke-20 (Nazi). Peristiwa pembunuhan ke atas pemimpin-pemimpin yang sederhana dan cintakan keamanan (misalnya keluarga Gandhi, Ismail Faruqi dan Hasan al-Banna). Peristiwa pembunuhan orang Islam dan pemusnahan masjid oleh orang Hindu di Ayudhya, India.

Begitu juga di negara kita iaitu peristiwa 13 Mei 1969 pada tahun 1969 ialah rusuhan kaum yang berlaku dan kemuncak masalah perpaduan di Malaysia. Tragedi ini yang mengakibatkan kehilangan nyawa serta harta benda dan mempunyai kaitan yang rapat dengan "Pilihan Raya Umum 1969" merupakan satu titik hitam dalam sejarah negara Malaysia (Ramlah Adam: 2004).

Selain itu peristiwa di Kampung Medan yang sangat tragis berlaku di negara kita. Ia merujuk kepada beberapa peristiwa pergaduhan antara India-Melayu yang berlaku di Kampung Medan dari 4 Mac hingga 8 Mac 2001 selama 5 hari. Sengketa ini merebak begitu cepat kerana kawasan ini merupakan kawasan setinggian berpuluh-puluh tahun tanpa pembelaan. Pergaduhan turut merebak ke Petaling Jaya, Jalan Gasing, Kelana Jaya, Sungai Way, Bandar Sunway dan Puchong. Pergaduhan antara dua

kumpulan bermula di Kampung medan ekoran persediaan majlis perkahwinan dan majlis pengkebumian. Majlis perkahwinan itu diadakan di sebuah rumah orang Melayu. Sementara jiran Indianya mengadakan majlis pengkebumian. Selain itu, peristiwa pembunuhan ke atas umat Islam di Tak Bai di Pattani.

Begitu juga dengan peristiwa 11 September 2001 iaitu ke atas Amerika Syarikat. Peristiwa ini melibatkan dua pesawat (Penerbangan 175 United Airlines dan Penerbangan 11 American Airlines) terhempas ke dalam bangunan World Trade Center di bandaraya New York, di mana satu pesawat telah melanggar bangunan Utara manakala satu lagi pesawat telah melanggar bangunan Selatan. Ini telah menyebabkan keruntuhan dua bangunan tersebut, di samping daripada mengakibatkan kerosakan yang banyak kepada bangunan yang berdekatan. Begitu juga pesawat ketiga (Penerbangan 77 American Airlines) ke dalam bangunan Pentagon di Arlington County, Virginia, berhampiran dengan Washington, D.C. Penumpang dan anak kapal pesawat keempat (Penerbangan 93 United Airlines) telah cuba mengambil alih kembali pesawat mereka. Pesawat itu terhempas di Shanksville, Pennsylvania. Tiada seorang pun yang terselamat daripada keempat-empat pesawat ini. Amerika Syarikat bertindak balas terhadap serangan ini dengan melancarkan Perang Terhadap Keganasan. Ia menyerang Afghanistan untuk menggulingkan Taliban, yang dikatakan memberikan perlindungan kepada al-Qaeda. Ia turut mengambil kesempatan itu menyerang Iraq. A.S. juga menggubal Akta Patriot. Banyak negara lain turut berbuat sama dan memperkuat Undang-undang anti-keganasan mereka. (http://ms.wikipedia.org/wiki/Serangan_11_September_2001).

Manakala di Bosnia pula peristiwa *Ethnic Cleansing* iaitu sebuah konflik bersenjata antarabangsa yang terjadi pada Mac 1992 dan November 1995. Perang ini melibatkan beberapa pihak. Konflik ini melibatkan Bosnia dan Republik Federal Yugoslavia (kemudian berganti nama menjadi Serbia dan Montenegro) begitu juga Kroasia. Perang antara etnis Serbia dengan etnis Kroasia terjadi pada awal tahun 1992 akibat tidak menentunya situasi di Wilayah Bosnia Herzegovina. (http://en.wikipedia.org/wiki/Ethnic_cleansing).

Ini antara contoh-contoh interaksi negatif yang berlaku di dalam dan di luar negara. Namun terdapat juga fakta mengenai sesuatu peristiwa tidak begitu jelas dan mengelirukan masyarakat. Hasilnya masyarakat akan membuat penilaian dan memberi kesan kepada pemikiran, pemahaman dan tingkah laku masyarakat. Secara positifnya, melalui beberapa peristiwa ini, kita boleh mengambil pengajaran sesama kita agar peristiwa negatif seperti ini tidak berulang lagi.

2.3.5 Sejarah Interaksi di Malaysia

Interaksi dengan tamadun India

Pengaruh India ke atas kebudayaan dan masyarakat Melayu boleh dikesan dalam bahasa dan kesusasteraan, institusi pemerintahan dan istiadat Raja-raja Melayu serta adat resan dan hiburan (Sazelin Arif:2007).

i) Bahasa

Percampuran bahasa antara bahasa Sanskrit dengan bahasa Melayu dan bahasa Tamil dengan bahasa Melayu.

Pinjaman daripada Sanskrit:

- Dari segi fonologi, aspirasi/h/ dalam Sanskrit digugurkan atau dipindahkan tempat:

Bhumi - bumi	Bhakti - bakti
Bheda - beda/beza	Bhudi - budi
Bhasa - bahasa	Arghah - harga

- Vokal /a/ dalam suku kata pertama digantikan dengan e pepet:

Nagaram - negara	denda - denda
------------------	---------------

- Vokal e pepet disisipkan di tempat gugus konsonan:

Putrah - putera	Sastram - sastera
Cakravala - cakerawala	Cakram - cakera

- Konsonan sengau/nasal disisipkan antara vocal:

Akash - angkasa	Upama - umpama
-----------------	----------------

Pinjaman daripada Bahasa Tamil (Sazelin Arif: 2007).

- Ciri-ciri penyesuaian juga berlaku ke atas kata pinjaman Tamil iaitu konsonan retrofleks, ciri kepanjangan vocal dan pengandaan konsonan dihilangkan, contohnya:

Kendii - kendi	Kappal - kapal
----------------	----------------

- Vokal /a/ digantikan dengan e pepet:

Kadai- Kedai	Mampalam- Mempelam
--------------	--------------------

- Konsonan /v/ digantikan dengan /b/ atau /w/:

Vagai - bagai	Kaval - kawal
---------------	---------------

- Vokal /u/digantikan dengan vocal /o/:

Mutal - modal	Kulam - Kolam
---------------	---------------

ii) Kesusasteraan

Kesusasteraan Melayu terdapat pengaruh daripada tradisi kesusasteraan India. Cerita-cerita yang bersumberkan kitab aganma Hindu seperti epic Seri Rama dan Mahabrata menarik minat masyarakat Melayu seperti cerita penglipur lara yang dituturkan oleh tukang-tukang cerita atau melalui wayang kulit (Ismail:1985). Begitu juga unsur mitos dan lagenda dalam karya sejarah Melayu berkaitan dengan tradisi mitos India yang tersebar luas di Asia Tenggara sejak beberapa abad Masihi lagi. Setiap unsure dan

mitos yang digunakan dalam sejarah Melayu membawa maksud penting dalam menggambarkan kebesaran, kemuliaan, martabat serta menunjukkan kuasa raja yang istimewa. Contoh unsure mitos pengembaraan Raja Suran ke dalam laut serta hubungannya dengan lagenda puteri naga menunjukkan unsur bahawa unsure mitos tersebut sejarah Melayu menegaskan hak kekuasaan yang sah kepada Sang Sapurba dan diwarisi oleh raja-raja Melayu (M.Rajantharan:1999).

iii) Adat Resam dan Kesenian

Pengaruh India boleh dikatakan menyerap hamper keseluruhan adat resam Melayu. Antara contoh pengaruh Hindu yang ketara dalam adat resam Melayu ialah dalam soal kehamilan dan kelahiran serta upacara peminangan dan perkahwinan. Amalan-amalan seperti wanita hamil membawa pisau bagi melindunginya daripada semangat jahat pada prinsipnya mempunyai persamaan dengan amalan orang Hindu melindungi diri daripada sihir dan hantu-hantu jahat (Amran:1995). Di samping itu, pengaruh India dalam hiburan dapat dilihat melalui tarian dan muzik yang masih wujud dalam masyarakat Melayu antaranya ronggeng, boria, wayang kulit dan mak yong (Afifah:2003). Contoh-contoh lain ialah lahirnya seni taman, seni binaan yang berunsur India seperti Masjid India, semua binaan mempunyai kubah ke atas merujuk kepada tuhan yang Esa.

Interaksi dengan tamadun Cina

(a) Kebudayaan dan Kesenian

Kemunculan komuniti Baba dan Nyonya terutama sekali di Melaka dan Cina peranakan di Kelantan suatu interaksi yang ketara dalam masyarakat Melayu. Mengikut catatan De Eredia orang Cina telah menetap semenjak tahun 1613 di Melaka dan membentuk komuniti tersendiri pada awal kurun ke-17 dan telah berkahwin dengan wanita tempatan. Oleh sebab itu mereka terpaksa menggunakan bahasa Melayu bukan sahaja semasa berjual beli tetapi juga semasa berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan kalangan

keluarga mereka sendiri. Dengan demikian proses pembudayaan Melayu telah berlaku ke atas mereka lalu melahirkan budaya kacukan Cina-Melayu yang unik dinamakan Baba-Nyonya.

Satu ragam atau dialek bahasa Melayu telah muncul menjadi pertuturan mereka dikenali sebagai Melayu Baba walaupun mereka sendiri mengenalinya sebagai bahasa Melayu sahaja. Dialek Melayu Bab ini diasaskan atas ragam bahasa Melayu pasar perdagangan di kalangan pelbagai kaum dan bangsa bandar-bandar utama di Alam Melayu seperti Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Jakarta. Dialek Baba Melaka berbeza dengan bahasa Melayu baku dari beberapa sudut. Kata pinjaman dari bahasa Cina telah banyak terserap terutamanya dari dialek Hokkien iaitu berkaitan dengan adat kekeluargaan dan agama orang Cina. Kini ramai di kalangan komuniti Baba telah berkahwin dengan komuniti Cina yang lain dan menyerap ciri-ciri budaya Cina (Hashim Musa:2005).

Selain komuniti Baba dan Nyonya terdapat satu lagi komuniti peranakan Cina di Kelantan. Mengikut kajian, mereka telah meneta[di kawasan tebing Sungai Kelantan dari Kuala Krai di hulu sehingga ke Tumpat di muaranya. Paling ketara ialah penggunaan dialek Kelantan yang fasih dan jenis pakaian yang serupa. Wujudnya perasaan saling hormat-menghormati dan cita rasa yang sepunya misalnya kegemaran kepada wayang kulit, wayang gedek, menorah dan bagi kumpulan pinggiran, permainan mahjong, pakau dan capjeki. Namun ciri budaya Cina menjadi kekangan penyerapan sepenuhnya peranakan Cina ke dalam masyarakat Melayu, bahkan yang menjadi factor pengekalan budaya Cina ialah agamanya. Orang Cina tetap mengekalkan amalan kepercayaan dan agama mereka berasaskan politeisme, kepercayaan kepada roh nenek moyang dan juga amalan agama Buddha, membezakannya daripada masyarakat dan budaya Melayu yang bersaskan agama Islam (Zulkiflee Haron:2005). Contoh-contoh seni bina ialah dalam pembinaan masjid seperti Masjid Tanjung Kling, Masjid Tenggera, seni kaligrafi dan lukisan cat minyak.

(b) Bahasa dan Kesusasteraan

Pengaruh tamadun China ke dalam tamadun Melayu dapat dilihat melalui serapan beberapa istilah dan perkataan Cina ke dalam bahasa Melayu seperti berikut (Za'ba:1962):

Makanan dan buah-buahan

- Bakmi, mi, mesua, teh, bihun, cincau, kueh, bepang, taueh, kanar, kauci, kucai, angki (pisang kaki), tauhu kimcam (sayur kering), lai, laid,tauchu, samsu.

Pakaian dan barang-barang dagangan

- Cukin, tocang, joseh, lo'cuan. Kekwa (bunga), koyok, cat, gimpai, gincu, tahil, koyan, ci (1/10 tahil), hun (1/100 tahil, 1 inci), tohar, tokok, angklong, candu, kaci.

Rumah dan peralatan

- Loting, pangkin, ang oh, loceng, langkan, kangka, bangsal, tongkang, jong, sampan, beca, langca, pongkis, sempua, sia, tanglong, tangsi, cawan, tekoh, uncoil, dacing, kok (belunggu tengkok haiwan), cacing.

Manusia dan ehwalnya

- Apek, loki, nyonya, cempiang, tauke, kongsi, kicak, cinggeh, cincau, ampau, taijin, kantai, gua, lu, sengse singkek, samsing, toa pekong, tokang, tekong, band,cuak ,culai, lancong.

Permainan

- Ceki, pakau, capjeki, congkak,cukai dan mahjong.

Interaksi dengan tamadun Arab

Kesusasteraan iaitu lahirnya tulisan jawi, buku, sastera Arab, nama-nama Arab, makanan Arab, nasi Bukhara, filem Arab dan lain-lain.

Interaksi dengan peribumi

Kesusasteraan. Pertalian antara bahasa orang Asli dengan bahasa Melayu dari aspek perubatan tradisional.

2.3.6 Proses Dan Mekanisma Interaksi

a) Proses Interaksi

Sebagai makhluk sosial, manusia tidak mungkin boleh hidup bersendirian. Sudah menjadi sunnah alam, setiap makhluk yang dijadikannya saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Begitu juga dengan manusia. Sebagai makhluk yang diberi pengiktirafan untuk memakmurkan bumi ini, manusia tidak dapat lari daripada interaksi. Sejarah ketamadunan yang dibina oleh manusia sejak zaman nabi Adam a.s menyaksikan proses interaksi yang sentiasa berterusan. Kecemerlangan tamadun Islam akhirnya menjadi satu manifestasi yang membuktikan kesan daripada interaksi ketamadunan ini Islam merupakan al-Din yang telah berjaya menggarap sosial insan melalui proses asuhan, pendidikan serta membesar menjadi kelompok manusia yang mampu memenuhi tuntutan interaksi secara berkelompok (Zulkiflee Haron: 2010).

Begitu juga konteks pembinaan sesebuah negara dan tamadun. Manusia sentiasa mewujudkan interaksi dalam perhubungan demi kelangsungan dan kemajuannya. Walaupun perhubungan yang ingin dibina melalui asas pendamaian, keharmonian yang boleh dimanfaatkan antara satu sama lain, namun adakalanya hubungan tersebut tidak dapat lari dari sebarang konflik berdarah, peperangan, pencerobohan mahupun penjajahan (Zulkiflee Haron: 2010).

Setiap tamadun mempunyai nilai keistimewaannya yang tersendiri. Seringkali sesebuah tamadun itu dilihat bersifat terbuka dalam menerima sesuatu pembaharuan. Atas dasar ini, sejarah telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan dan interaksi antara pelbagai tamadun sama ada diperingkat perkongsian nilai, pemikiran, institusi dan keinsanan sepanjang pensejarahan. Ia sekaligus menzahirkan kesan positif walaupun tidak dapat

dinafikan pada masa yang sama terdapat juga kesan-kesan negatif. Keterbukaan seperti ini memungkinkan berlakunya pertambahan pemikiran dan budaya lalu mengelakkan kebekuan atau kejumudan yang boleh menyebabkan kemerosotan sesebuah tamadun.

Ia dapat dibuktikan, antaranya melalui aspek bahasa (perkataan baru diserap masuk dan disesuaikan dalam sesuatu bahasa asing hingga kadangkala ia berlaku dengan bebas dan sukar dikawal), aspek fizikal yang melibatkan perkahwinan campur hingga sukar dibezakan ketulenan sesuatu bangsa, agama dan hiburan. Proses penyedutan unsur-unsur luar yang telah diasimilasi dan diadaptasikan dengan kebijaksanaan tempatan telah menjadi pemangkin bagi sesebuah tamadun melangkah maju ke tahap yang lebih tinggi.

Misalnya tamadun Barat moden yang telah menyedut tradisi ilmu saintifik daripada Islam dan melalui Islam juga mereka telah menimba balik unsur tamadun klasik Romawi-Yunani hingga berjaya mencetuskan kebangkitan Renaissance dan *Enlightment* di Barat. Begitu juga dengan tamadun Melayu yang menyedut unsur dan tradisi tamadun Islam hingga membuahakan pusat tamadun Melayu Islam di tahap dunia di Melaka (kurun ke 15) dan Aceh (kurun ke 16, 17) (Zulkiflee Haron: 2010).

b) Mekanisme Interaksi antara Tamadun Melayu, Cina dan India

Tamadun Melayu

Di sebalik Islam dan bahasa Melayu, faktor kerajaan atau kesultanan Melayu penting bagi membuktikan kewujudan tamadun Melayu. Sembilan buah negeri Melayu antaranya Malaysia merupakan kesinambungan dari kerajaan Funan, Champa, Langkasuka, Srivijaya, Kutai, Kertanegara, Majapahit, Melaka, Johor Riau-Lingga, Patani, Ligor, Singgora, Aceh, Rokan, Aru, Siak, Jambi, Pontianak, Brunei, Sulu, Makasar dan beberapa buah kerajaan yang pernah wujud di awal abad Masehi. Tamadun Melayu berkonsepkan sebuah tamadun yang dilahirkan oleh penduduk-penduduk sekitar kepulauan Melayu Indonesia (Malay-Indonesia Archipelago) yang bertutur dalam bahasa dan berbudaya Melayu (Zulkiflee Haron: 2010).

Tamadun Melayu telah muncul di Alam Melayu sebelum kedatangan Islam. Telah wujud beberapa kerajaan sebelum kedatangan Islam seperti Funan, Angkor dan lahir pula kerajaan-kerajaan Melayu maritim seperti Langkasuka (Patani) iaitu pada 2-14M, Srivijaya (Palembang) iaitu pada 670-1025M, Lembah Bujang (Kedah) iaitu pada abad ke 7M, Kuala Selinsing (Perak) dan Majapahit pada 1292M. Kerajaan-kerajaan ini menjadi pengasas kepada negara-negara kota yang membentuk Tamadun Melayu Islam kemudiannya (Zulkiflee Haron: 2010).

Pada umumnya, Tamadun Melayu dibina dan berkembang melalui kekuatan ekonomi atau perdagangan dan faktor agama. Ekonomi dan agama menjadi teras kepada pertumbuhan Tamadun Melayu seperti Empayar Srivijaya yang bermula pada abad ke 7 hingga ke 13. Empayar Melayu Buddhis memperlihatkan kekuatan dari sudut ekonomi dan agama. Menurut catatan E-Shing, orang Timur Jauh di kawasan Ceylon dan India perlu berhenti di serambinya (Srivijaya) untuk belajar Buddhism (Zulkiflee Haron: 2010).

Begitu juga zaman Kesultanan Melayu Melaka contohnya dalam pembinaan menetapkan teori hijrah. Parameswara berhijrah dari Srivijaya ke Temasik dan Melaka. Tamadun Melayu-Islam di Melaka walaupun kedatangan Islamnya lewat dari Pasai tetapi ketamadunnya lebih terserlah berbanding Pasai. Tamadun-tamadun ini semuanya makmur semasa kegemilangannya termasuk keseniannya yang tinggi. Maka buktinya pada hari ini, sembilan negeri Melayu yang terdapat di Malaysia Barat merupakan kesinambungan dari masa lalu dan menjadi simbol kepada peranan tamadun Melayu di dalam tamadun Malaysia. Peranan utama tamadun Melayu dalam pembinaan tamadun Malaysia ialah mengukuhkan pembinaan bangsa tersebut. Sistem pemerintahan raja berperlembagaan Persekutan Malaysia merupakan sumbangan utama tamadun Melayu kepada tamadun Malaysia.

Bolehlah dirumuskan bahawa tamadun Melayu berkonsepkan kepada tamadun yang dilahirkan oleh penduduk-penduduk di persekitaran Kepulauan Melayu Indonesia (Malay-Indonesia Archipelago) yang bertutur dalam bahasa dan berbudaya Melayu. Tamadun Melayu dibentuk melalui hasil interaksinya dengan tamadun-tamadun lain yang sedia ada.

Tamadun China

Tamadun China dan India lebih bersifat tempatan iaitu berkisar di kawasan itu sahaja. Berbanding tamadun Islam yang bersifat universal kerana tersebar luas hampir ke serata dunia. Tamadun China bermula di Huanghe Utara China dan Yangzijiang di Selatan China kira-kira 7000 tahun kerana tanahnya yang subur untuk aktiviti pertanian. Tamadun di kawasan Huanghe juga dikenali sebagai tamadun Yangshao kerana pekan tersebut merupakan satu tamadun yang tertua seperti tamadun Mesopotamia, tamadun Mesir, tamadun Lembah Indus dan tamadun Greek. Lembah Huanghe juga menyaksikan kepesatan kependudukan hingga mewujudkan organisasi sosial dan sistem pentadbiran yang cekap lagi berkesan (Zulkiflee Haron: 2010).

Masyarakat Cina di Lembah Huanghe yang dikenali sebagai Han telah memiliki sistem sosial iaitu raja dan kerabatnya, pembesar negara, golongan petani, artis, pedagang mahupun tentera. Pada hari ini terdapat 54 golongan etnik minoriti di China manakala etnik Han merupakan kumpulan majoriti yang telah mencorakkan peradaban China. Ciri-ciri utama tamadun China antaranya ialah bersifat terbuka, dinamik, integratif, mementingkan moral, keharmoniaan, sifatnya yang bertahan lama, mementingkan penggunaan etnik, mementingkan apresiasi seni dan falsafah juga tanahnya yang luas dan rakyat yang ramai (Zulkiflee Haron: 2010).

Tamadun India

India merupakan negeri yang mempunyai tinggalan tamadun sejarah yang tertua sekali di dunia. Kebanyakan bekas tamadun ditemui oleh ahli-ahli sejarah dalam tahun 1920an di beberapa tempat sekitar Sungai Indus. Antara puluhan tempat tersebut hanya dua tempat yang paling terkenal iaitu Mohenjo-Daro dan Harappa. Hasil penemuan tersebut, ahli kaji purba berpendapat tamadun India telah muncul lebih kurang tahun S.M dan ia berakhir sekitar tahun 1500S.M. India merupakan sebuah negara yang luas, terdapat begitu banyak kaum etnik, sistem kepercayaan, adat resam serta

ekonomi hingga sukar untuk disatukan. Walau bagaimanapun, melalui proses yang sama dengan semua tamadun yang sedia ada, India dapat disatukan menjadi satu bangsa walaupun lahir daripada peradaban yang berbeza.

Majoriti orang India menganut agama Hindu dan melalui sistem pendidikan serta indoktrinasi Hindu, orang-orang India dapat disatukan dalam satu bangsa dan peradaban. Malahan apabila wujud sistem kepercayaan yang pelbagai di India, maka muncul pemimpin yang akan mencampur adukkan semua sistem kepercayaan bagi membentuk satu kepercayaan atau agama yang baru misalnya agama Sikh, Jaina, Din Ilahi mahupun Buddha (Zulkiflee Haron: 2010).

Kehadiran peradaban Islam di India bermula setelah raja-raja Hindu Berjaya ditewaskan oleh orang-orang Turki seterusnya Moghul. Beberapa kerajaan Islam telah didirikan seperti Ghaznawi, Ghoris, Mamluk, Khilji dan Moghul. Hasil daripada interaksi antara peradaban India dan Islam menyaksikan agama Islam telah tersebar luas di benua India. Selain menyaksikan beberapa interaksi lain seperti pendidikan, kesusasteraan serta seni bina berkembang pesat (Zulkiflee Haron: 2010).

Peralihan ke zaman moden mulai 1750M sehingga sekarang pula menyaksikan kedatangan kuasa Eropah bermula Portugis iaitu 1498M di bawah Vasco Da Gama yang bertujuan mengadakan hubungan perdagangan yang kemudiannya menakluki Goa pada tahun 1510M. Menerusi penaklukan ini, bermulanya aktiviti pengembangan agama Kristian melalui St. Francis Xavier, Roberto De Nobili iaitu pada 1560M dan lain-lain lagi. Manakala selepas perang Plassey tahun 1756M, British telah meluaskan kuasanya sekaligus membenarkan mubaligh-mubaligh Kristian menyebarkan agama Kristian serta menggalakkan dasar pendidikan Inggeris selepas 1835M, mengadakan pembaharuan sosial dan beberapa pembaharuan yang lain (Zulkiflee Haron: 2010).

1.3.7 Interaksi Antara Tamadun

Interaksi antara tamadun dapat dilihat pada beberapa aspek-aspek antaranya:

i. Kepimpinan

Faktor ini merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi interaksi antara tamadun di Asia. Ini kerana seandainya pemimpin atau raja bersikap adil dan toleran, maka interaksi akan berlaku dalam keadaan aman dan tenteram. Fenomena sebaliknya akan berlaku seandainya pemimpin bersikap kuku besi dan tidak bersikap toleransi kepada rakyat jelata. Sejarah telah membuktikan dua sikap berbeza di kalangan para pemimpin seperti contohnya Nabi Muhammad SAW tidak menyekat orang Yahudi dan Kristian dalam pemerintahan Madinah, sebaliknya hak mereka dilindungi undang-undang (Fairuzah Basri: 2008).

Demikian juga Kerajaan Islam Ghaznawi, Delhi dan Moghul di India bertoleransi kepada penganut Hindu, malah golongan ini dilantik sebagai pegawai dalam pemerintahan kerajaan Islam ini. Terdapat juga contoh pemimpin yang tidak bertoleransi seperti yang dapat dilihat pada Sultan Shamsuddin Altamish di India yang bertindak keras terhadap penganut Hindu. Demikian juga dengan Han Wu Ti dalam Dinasti Han telah melaksanakan dasar memihak kepada cendekiawan Konfusianisme berbanding sami Buddha (Fairuzah Basri: 2008).

ii. Sikap Golongan Agama

Faktor ini merupakan tunggak kepada kelangsungan hidup beragama secara harmoni. Golongan ini wujud dalam setiap masyarakat tamadun Asia. Golongan agama dalam tamadun Islam di tunjangi oleh para ulamak. Tamadun India yang berteras kepada agama Hindu disandang oleh minoriti kasta Brahmin. Golongan agama dalam kepercayaan Buddha pula didokong oleh sami. Golongan agama dalam fahaman Kristian pula dikuasai oleh paderi.

Kesemua golongan agama berusaha mewujudkan suasana harmoni dan memberi penekanan kepada sifat keinsanan. Sebagai contohnya, sikap dan akhlak mulia yang dipamerkan ulamak Islam di Alam Melayu memudahkan berlakunya interaksi dan Islamisasi. Mereka telah berjaya memberi *tasawwur* Islam (pandangan Islam) yang sebenar kepada

penduduk Alam Melayu. Mereka juga telah membentuk pendidikan formal dengan mendirikan beberapa institusi yang dikenali dengan pelbagai nama seperti pondok, pesantren, madrasah dan dayah (Acheh). Hasilnya, muncul ramai ulamak di rantau Alam Melayu seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf al-Singkeli, Wali Songo dan lain-lain (Fairuzah Basri: 2008).

Namun, walaupun terdapat sikap sesetengah golongan agama yang mencetuskan konflik namun tragedi ini tidak sedikit pun mengguris martabat agama dalam pemikiran masyarakat Asia. Agama dan golongan penguasanya tetap berada pada kedudukan yang tinggi. Antara contoh sikap golongan agama yang mencetuskan konflik seperti tindakan Paus Urban II dengan mengadakan perjumpaan besar-besaran di kalangan penganut Kristian di Perancis pada tahun 1095M. Beliau menyeru penganut Kristian supaya memerangi orang Islam yang dikatakan bertindak zalim terhadap penganut Kristian. Demikian juga sikap seorang pemerintahan Dinasti Han yang menangkap dan memenjarakan sebilangan sami dan penganut Buddha. Tindakan kedua-dua pemimpin ini telah mencetuskan konflik dalam masyarakat (Fairuzah Basri: 2008).

iii. Perdagangan

Aktiviti perdagangan juga menjadi faktor penjalin interaksi antara tamadun. Sebagai contohnya hubungan perdagangan yang berlaku antara Arab dan China melalui jalan darat dan laut. Hubungan ini telah terjalin sejak abad ke 3 Masihi lagi dan semakin rancak pada abad ke 8 Masihi. Pedagang Arab dan Parsi telah membuat penempatan seperti di Kwang Cho (Canton), Chang Chow dan Chuan Cow. Mereka juga telah mendirikan masjid di Ghuangzhou dan Ghuanzhou. Situasi ini membuktikan berlakunya Islamisasi di wilayah ini (Fairuzah Basri: 2008).

Contoh lain ialah interaksi yang terjalin antara tamadun Alam Melayu di Asia Tenggara dengan negara Arab. Jalinan ini berlaku secara tidak langsung apabila pedagang Arab yang menuju ke China terpaksa singgah di Alam Melayu untuk menunggu angin yang sesuai sebelum ke China atau pulang ke Arab. Persinggahan ini telah menghasilkan interaksi baru di rantau Alam Melayu. Hal yang lebih menguntungkan ialah

berlakunya Islamisasi di pelabuhan sebagaimana catatan Marco Polo tentang pengislaman Perlak pada tahun 1292 M. Para pedagang telah berjaya menarik minat penduduk Perlak terhadap Islam dan akhirnya mereka bersedia menerima anutan baru ini. Selain itu, wujud juga interaksi antara tamadun India dengan Alam Melayu sejak kurun pertama masihi lagi. Kesan daripada interaksi ini menyebabkan nama wilayah Asia Tenggara dicatat dalam kitab Ramayana seperti istilah *Suvarnavdipa* yang bermaksud “Semenanjung Emas” dan *Suvarnabhumi* yang bermaksud “Bumi Emas” (Fairuzah Basri: 2008).

iv. Kedudukan Geografi

Kedudukan geografi melibatkan bentuk muka bumi dan kemudahan perhubungan dalam sesebuah masyarakat bertamadun. Sejarah membuktikan bahawa kedudukan geografi memainkan peranan sebagai pembentuk interaksi antara tamadun. Antara contoh yang memperlihatkan peranan kedudukan geografi ialah:

China: Interaksi antara tamadun asing pesat berlaku kerana terdapat laluan iaitu Laluan Sutera yang menggunakan jalan darat dan jalan laut. Laluan perhubungan ini telah menyebabkan China mampu menjalin interaksi dengan negara Arab sejak tahun 3 Masihi lagi. Laluan Sutera darat ini telah menghubungkan China dengan Khurasan, Samarqand, Xinjiang hingga ke Peking. Laluan laut pula merentasi Laut Arab ke Benua Kecil India, Kepulauan Melayu hingga ke Canton di Tenggara China. Laluan ini membolehkan kedua-dua negara ini berinteraksi dan menjalankan aktiviti perdagangan. Terdapat catatan mengatakan kapal-kapal China telah pun sampai di Teluk Parsi dan berdagang di Pelabuhan Siraf pada tahun 5 Masihi (Fairuzah Basri: 2008).

Pelabuhan Melaka: Kedudukan geografi yang strategik dan terlindung dari angin monsun menjadikan pelabuhan ini sebagai tempat tumpuan dan persinggahan para pedagang. Semasa singgah di pelabuhan ini para pedagang telah menjalankan aktiviti perniagaan di pelabuhan Melaka (Fairuzah Basri: 2008).

v. Perkahwinan

Perkahwinan juga memainkan peranan dalam pembentukan interaksi antara tamadun. Antara contoh yang didapati adalah pada lembaran sejarah dan salasilah masyarakat di rantau Alam Melayu. Penduduk tempatan telah menjalin interaksi dengan pedagang Arab sehingga terdapat sebilangan pedagang yang telah berkahwin dengan gadis tempatan kerana telah bermukim di pelabuhan Alam Melayu dalam beberapa waktu sementara menunggu angin monsun. Secara tidak langsung perkembangan ini telah menjadi menjurus ke arah islamisasi kerana bagi membolehkan wanita tempatan berkahwin dengan pedagang Arab yang beragama Islam, wanita tersebut mesti diislamkan terlebih dahulu.

Sejarah turut mencatatkan, perkahwinan ini tidak sahaja mengislamkan gadis tempatan yang dikahwini pedagang Arab, tetapi kaum keluarga gadis juga turut menerima Islam. Selain itu, perkahwinan bukan sahaja berlaku di kalangan rakyat jelata, malah juga berlaku di kalangan golongan bangsawan dan pemerintah. Sebagai contohnya, perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan Puteri Pasai. Perkahwinan ini turut mengislamkan keluarga pihak lelaki dan perempuan (Fairuzah Basri: 2008).

vi. Misi Politik

Faktor misi politik turut menggalakkan berlakunya interaksi dalam suasana harmoni sebagaimana yang dapat dilihat pada hubungan diplomatik antara Alam Melayu dengan China. Berdasarkan catatan sejarah Melaka hubungan diplomatik dengan China telah terjalin sejak tahun 1404 M. Pada tahun-tahun berikutnya, Melaka telah menerima beberapa utusan dari China yang kemudiannya Melaka telah membalas utusan tersebut. Tujuan Melaka mengadakan hubungan baik dengan China adalah untuk mendapat perlindungan dari ancaman Siam. Persetujuan China terbukti dengan penghantaran Laksamana Cheng Ho yang beragama Islam ke Melaka. Dasar perlindungan China terhadap negeri-negeri di rantau Alam Melayu adalah bertujuan politik sekaligus secara tidak langsung menggalakkan

Islamisasi di rantau Alam Melayu. Perlindungan ini juga memberi impak yang sama kepada negeri-negeri di Kepulauan Melayu lain seperti Kedah, Johor, Kampar dan sebagainya (Fairuzah Basri: 2008).

1.3.8 Persamaan Dan Persamaan Antara Tamadun

Tamadun-tamadun yang pernah lahir di dunia mempunyai latar belakang yang tersendiri, justeru itu terdapat begitu banyak perbezaan antara satu dengan satu tamadun yang lain. Namun terdapat juga persamaan yang dikongsi bersama antara beberapa tamadun tersebut. Ciri-ciri perbezaan dan persamaan antara tamadun boleh dilihat terutamanya dari aspek teologi dan etika. Misalnya persoalan teologi berhubung monoteisme Islam begitu berbeza daripada metafizik Buddhisme yang tidak menerima konsep Tuhan Pencipta (*Creator God*). Hinduisme pula sebaliknya, menerima konsep tuhan walaupun manifestasi monoteismenya berbeza daripada Islam, Kristian dan Yahudi. Islam, Kristian dan Yahudi dilihat secara umum merupakan agama-agama monoteistik, tetapi kepercayaan mereka berbeza antara satu sama lain.

Persoalan-persoalan teologi sering dilihat meimbulkan percanggahan pendapat. Percanggahan pendapat yang dimaksudkan tidak semestinya berlaku antara satu tamadun dengan satu tamadun yang lain, tetapi boleh juga berlaku dalam sesebuah tamadun, malah dalam sesebuah agama itu sendiri. Sekiranya dibandingkan dengan persoalan teologi, persoalan etika sebenarnya kurang menimbulkan kontroversi. Hakikatnya ini dapat menjelaskan bahawa dialog tamadun atau peradaban boleh berlangsung dalam keadaan harmoni sekiranya fokus lebih ditumpukan kepada persoalan etika. Dalam konteks melihat perbezaan antara tamadun, tujuh persoalan etika berikut dikemukakan (Chandra Muzaffar, Che Wan Jasimah Wan Mohd Radzi, Hashim Musa, Mohd Zuhdi Marsuki: 2002).

i. Alam Sekitar

Hidup harmoni dengan alam sekitar merupakan satu prinsip yang diterima semua agama. Berdasarkan pengajaran sesetengah agama, alam sekitar

dilihat sebagai anugerah tuhan, Manusia pula dipertanggungjawab sebagai khalifah (Custodian atau Steward) yang berperanan sebagai penjaga alam sekitar. Bagi Islam, Buddhisme dan beberapa aliran Kristian memelihara alam sekitar bermakna menggunakan anugerah tuhan secara bertanggungjawab. Tetapi dalam tamadun tertentu, memelihara alam sekitar di beri pentafsiran pasif sehingga alam sekitar itu disembah dan di lihat sebagai *Divine Power*. Sungguhpun terdapat perbezaan ini, tamadun-tamadun tradisional secara umum tidak memusnahkan alam sekitar. Sesetengah pihak mempunyai tanggapan bahawa keadaan ini mungkin disebabkan tahap teknologi yang masih rendah pada zaman itu. Bagaimanapun, haruslah disedari bahawa penciptaan teknologi dan penggunaannya sangat dipengaruhi oleh pandangan semesta sesuatu tamadun atau pengamalan budaya(Sazelin Arif : 2007).

ii. **Keluarga**

Prinsip yang meletakkan keluarga sebagai asas pembentukan masyarakat begitu dihayati oleh tamadun-tamadun tradisional. Keluarga yang dimaksudkan pada lazimnya adalah extebded. Dalam sesebuah keluarga wujud hierarki kuasa yang menentukan kedudukan kaum lelaki dan kedudukan kaum perempuan. Pengamalan seperti ini telah menjadi warisan turun-temurun dalam sesebuah keluarga tradisional. Menurut konfusianisme kesetiaan dan pertalian yang erat merupakan konsep kekeluargaan yang paling penting. Pengabaian terhadap konsep kekeluargaan seperti ini merupakan penafian hak seseorang dan bertentangan dengan keadilan. Konsep kekeluargaan dalam pengajaran Islam pula begitu mementingkan kasih sayang dan hormat-menghormati. Berdasarkan hakikat tersebut, bukanlah persoalan kedudukan kaum lelaki dan kaum perempuan dalam sesebuah keluarga itu yang menjadi persoalan utama tetapi setiap mereka harus menunaikan tanggungjawab masing-masing dalam lingkungan kasih sayang dan hormat menghormati(Sazelin Arif : 2007).

iii. Komuniti

Komuniti adalah satu persoalan yang begitu penting dalam setiap tamadun tradisional. Tidak boleh dinafikan bahawa komuniti sangat berpengaruh dalam menentukan personaliti dan identiti seseorang manusia. Komuniti juga dapat memastikan bahawa nilai-nilai dan norma-norma murni dalam masyarakat sentiasa dihormati. Di samping itu, komuniti dapat member sokongan moral, material dan psikologikal kepada anggota-anggotanya. Dikotomi perseorangan (individu) dan komuniti jarang wujud dalam masyarakat tradisional.

Kedua-dua pihak berpegang pada nilai-nilai moral tertentu yang lazimnya bersumberkan agama atau kuasa transenden. Bagaimanapun fenomena seperti ini bukanlah bermakna seseorang itu tidak mempunyai identiti tersendiri dalam komuniti tradisional (Sazelin Arif : 2007).

iv. Kerajaan

Falsafah tamadun-tamadun tradisional begitu menekankan persoalan moral atau akhlak sebagai dasar sesebuah kerajaan. Peranan dan tanggungjawab kerajaan dijelaskan melalui peranan dan tanggungjawab seseorang raja. Sifat-sifat raja yang saksama dan adil merupakan tema utama tamadun-tamadun silam. Dalam tamadun China, tulisan Moh-Tze, Lao-Tze, Kung Fu-Fze, Meng Tze dan beberapa tokoh yang lain sangat menekankan perkara ini. Begitu juga dalam India: Kautilya membincangkan ciri-ciri kepimpinan yang saksama dan adil, seperti juga al-Farabi, al-Mawardi, al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam Islam yang turut menumpukan perhatian kepada persoalan yang sama. Kesetiaan kepada raja dan perlindungan yang diberikan oleh raja kepada rakyat merupakan dimensi penting kerajaan dalam tamadun-tamadun tradisional. Namun demikian, kesetiaan yang diberikan oleh rakyat tetap berpandukan nilai-nilai moral. Sekiranya seseorang raja melanggar lunas-lunas keadilan, maka ketika itu rakyat boleh menyanggah dengan tujuan untuk membetulkannya (Sazelin Arif : 2007).

v. Kegiatan Ekonomi

Dalam tamadun-tamadun tradisional, kegiatan ekonomi berlaku dalam konteks ‘Moral semesta’ (Moral Universe). Dengan sebab itu wujud konsep hak-hak kehidupan dalam ajaran Buddhisme sebagaimana yang termaktub dalam *eight fold path*. Dalam ajaran Islam, prinsip yang berkaitan halal dan haram mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan akhlak. Hakikat ini menjelaskan bahawa wujud kegiatan ekonomi yang boleh mempertingkatkan tahap moral manusia sebagaimana juga wujud kegiatan ekonomi yang boleh merosakkan moral manusia. Konsep wang, laba, ganjaran, pasaran da sebagainya sangat dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan moral. Bagaimanapun, kenyataan ini bukanlah bermakna tidak terdapat penipuan, rasuah atau bentuk-bentuk penyelewengan yang lain seperti dalam kegiatan ekonomi moden. Perkara yang membezakan ekonomi tamadun tradisional dari ekonomi zaman moden adalah kayu pengukuranya (Sazelin Arif : 2007)

vi. Pendidikan

Matlamat paling utama pendidikan dalam tamadun- tamadun tradisional adalah pembinaan sifat-sifat seseorang (character-building). Proses pengajaran ilmu mempunyai kaitan yang begitu rapat dengan matlamat murni ini. D Dimensi Inner Being begitu penting dalam konsep pendidikan Islam, Kristian, Hinduisme dan agama-agama yang lain. Manusia tidak di galakkan menguasai persekitaran luaran melalui pengetahuannya tentang alam tanpa perubahan dalaman yang dapat dilakukan melalui pengetahuan tentang dirinya. Cuma cara transformasi ini berlaku berbeza dari satu tradisi ke tradisi yang lain. Dalam ajaran Islam persoalan tauhid memainkan peranan penting dalam transformasi sifat dalam dicapai melalui proses mencari diri sendiri (Sazelin Arif : 2007).

vii. Kesihatan

Konsep kesihatan dalam tamadun-tamadun tradisional tidak boleh dipisahkan daripada pandangan semesta sesebuah agama. Sifat penting konsep kesihatan tamadun-tamadun tradisional ialah pandangan dan pendekatan holistiknya. Holistik di sini bermakna suatu pandangan yang mengakui bahawa kesihatan seseorang dipengaruhi oleh alam sekitarnya yang lebih luas dan lebih menyeluruh. Konsep holistik berdasarkan idea bahawa segala-galanya yang wujud adalah saling berhubungan. Mengubati penyakit bermakna memulihkan keseimbangan seseorang dan melalui proses ini dapat dipulihkan keharmonian dalam tubuh badan pesakit dan seterusnya keseimbangan dalam kehidupannya (Sazelin Arif : 2007)

Berdasarkan pemerhatian terhadap kehidupan masyarakat yang pelbagai, maka jelas bahawa teras kepada konsep-konsep kehidupan dan pencapaian matlamat hidup dalam tamadun-tamadun tradisional mempunyai ciri-ciri persamaan. Namun begitu, terdapat juga beberapa perbezaan dalam persoalan-persoalan tertentu terutamanya yang berkaitan theology. Memahami persamaan dan perbezaan antara satu tamadun dengan tamadun yang lain, seharusnya mendorong kita untuk lebih bersikap toleransi kearah mewujudkan keharmonian sejagat. Justeru itu, mengetahui persoalan-persoalan dasar berkaitan dengan ilmu ketamadunan membuka ruang kepada seluruh manusia untuk berinteraksi secara positif kearah kehidupan yang lebih harmoni dan saksama.

1.3.9 Kesan Interaksi

Interaksi sememangnya akan membawa kesan kepada kedua pihak. Sama ada kesan positif atau pun negatif. Interaksi yang baik akan saling berkongsi pengalaman dan ilmu, manakala interaksi yang berlaku secara berat sebelah akan menyebabkan masyarakat yang dikuasai akan menderita dan dipaksa menerima keputusan pihak yang menguasai. Interaksi yang berlaku di Tanah Melayu banyak kepada negatif kerana menampilkan

penguasaan orang-orang British dalam aspek ekonomi dan politik masyarakat Melayu pada masa itu.

(a) Kesan Positif

Kesan ini boleh dilihat antara tamadun Islam dengan tamadun Yahudi dan Kristian. Dalam Perlembagaan Madinah, hak-hak orang Kristian dan Yahudi serta penganut agama lain diberi perlindungan bahkan mereka diberi kebebasan beramal mengikut anutan agama masing-masing tanpa sebarang gangguan daripada Rasulullah s.a.w dan kaum muslimin. Begitu juga pada zaman empayar Umayyah dan Abbasiyah yang memberikan perlindungan, keamanan dan kemakmuran kepada semua rakyatnya tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

Kesan yang sama juga boleh dilihat dalam Tamadun Islam dan Melayu di mana agama Islam telah tersebar di Kepulauan Melayu melalui aktiviti perdagangan dari Arab Parsi, India dan China. Interaksi antara tamadun China dengan tamadun Melayu telah melibatkan kemajuan dalam teknologi dan kebendaan, tetapi tidak mengubah pemikiran beragama. Barang perdagangan seperti gula, sutera, tembikar dan logam datangnya dari tamadun China. Hubungan diplomatik negara China dengan Melayu juga semakin berkembang, khususnya pada zaman Dinasti Yuan dan Ming serta Kesultanan Melayu Melaka (Ahmad Zaki Abd. Latiff: 2009).

Manakala bagi Tamadun China dan Jepun pula, melihat kepada sumbangan tamadun China yang penting ialah tulisan Cina telah menjadi asas kepada pembentukan tulisan Jepun iaitu Hiragama dan Katakana. Hubungan tamadun China dengan tamadun Jepun juga telah membawa kesan yang amat positif di mana negara China telah membantu masyarakat Jepun dalam aspek falsafah, agama, kesusasteraan, pertanian dan penggunaan logam (Ahmad Zaki Abd. Latiff: 2009).

Begitu juga dengan ajaran Buddha yang telah diasimilasikan dengan agama asal orang Jepun iaitu Shinto (Zulkiflee Haron: 2010). Ineraksi antara tamadun India dengan China telah memungkinkan penyebaran agama Buddha, seni mempertahankan diri, teknologi pengeluaran gula daripada tebu, astronomi dan kesusasteraan India

dikembangkan di negara China. Sebaliknya pengetahuan membuat kertas, bahan letupan dan penggunaan kompas daripada tamadun China dapat dipelajari oleh tamadun India.

Kesan positif juga dapat dilihat daripada interaksi antara masyarakat Muslim dan Buddhisme di Asia Tenggara sebelum zaman kolonial. Dalam konteks hubungan sosial misalnya, masyarakat muslim berinteraksi dengan masyarakat Buddha di Thailand, Kemboja, Indonesia (Jawa) dan Malaysia. Meskipun perbezaan ketara dilihat dari aspek teologi dan metafizik, hak-hak masyarakat Buddha untuk mengamalkan agama mereka begitu dihormati oleh masyarakat Islam yang menjadi majoriti penduduk. Kewujudan kuil-kuil seperti Borobudur di Pulau Jawa yang majoriti penduduknya beragama Islam adalah bukti kepada kenyataan ini (Zulkiflee Haron: 2010).

Interaksi antara pedagang Arab-Parsi dengan negara China telah mengembangkan perdagangan dan ekonomi. Lebih daripada itu, ramai pedagang Arab telah menetap di negara China dan berkahwin dengan wanita tempatan. Pada zaman pemerintahan Dinasti Tang, Sung, Yuan dan Ming telah muncul beberapa orang tokoh pemimpin Islam dalam pemerintahan negara China. Ini telah memungkinkan penyebaran Islam dengan meluas dan kewujudan komuniti Islam di negara China. Kesan positif ini telah memberi pengukuhan kepada sesuatu tamadun interaksi antara tamadun akan dapat memperkayakan sesebuah tamadun serta mengelakkannya daripada terus beku, jumud dan statik. Tamadun yang mengasimilasikan pengaruh luar akan semakin berkembang dan melahirkan perubahan penting (Zulkiflee Haron: 2010).

(b) Kesan Negatif

Walaupun banyak kesan positif yang dapat dilihat hasil daripada pertembungan antara tamadun, tetapi adalah tidak tepat jika dikatakan ianya tidak mendatangkan langsung kesan yang negatif. Kesan negatif yang dapat dilihat hasil interaksi antara tamadun ini sebagaimana pergaduhan yang berlaku antara masyarakat Yahudi dan Kristian hingga terjadinya pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi pada abad ke 9 dan 18 Masihi.

Ia berlaku akibat daripada faktor teologi, ekonomi, politik dan sosial. Penduduk Kristian Eropah telah membunuh orang Yahudi secara beramai-ramai pada abad ke-9 dan ke-18 dan dalam Perang Dunia. Ini disebabkan oleh faktor agama, falsafah, ketidakseimbangan ekonomi dan sosial.

Begitu juga beberapa siri serangan orang Kristian ke atas umat Islam dalam Perang Salib (*Crusades*) di Timur Tengah yang menyebabkan begitu ramai nyawa orang Islam melayang (Zulkiflee Haron: 2010).

Begitu juga antara muslim dan Hinduisme. Orang-orang Islam dibunuh dan masjid-masjid dimusnahkan oleh raja-raja India yang beragama Hindu dan sebaliknya. Kesan negatif ini sering mewujudkan konflik antara masyarakat yang mempunyai tamadun yang berbeza. Situasi yang sama turut sebelum kedatangan Islam ke India di mana terdapat kejadian golongan Buddha memusnahkan kuil-kuil Hindu sepertimana golongan Hindu melakukan tindakan yang sama menghancurkan kuil-kuil Buddha. Seringkali konflik ini dipengaruhi oleh faktor-faktor teologi, ekonomi, sosial dan politik. Didapati faktor teologi sering menjadi penyebab utama kerana semua masyarakat cuba mempertahankan anutan masing-masing yang dianggap suci (Zulkiflee Haron: 2010).

Hubungan antara tamadun India dengan tamadun China juga bermasalah di mana pada peringkat awal perkembangan agama Buddha di negara China, ia mendapat tentangan hebat daripada penganut Confucius. Para sami Buddha telah ditangkap, dipenjarakan dan kuil-kuil Buddha telah di musnahkan).

Hubungan tamadun Islam dengan tamadun China juga bermasalah. Contohnya pada tahun 751 Masihi, Panglima Ziyad bin Saleh telah menyerang negara China sedangkan pada masa itu hubungan baik wujud antara Empayar Abbasiyah dengan Dinasti Tang. Masalah cemburu dengan kemakmuran orang Islam di China pada zaman Dinasti Han dan masalah perbezaan agama juga menyebabkan berlaku pemberontakan serta penghijrahan orang Islam Cina ke Asia Tenggara (Ahmad Zaki Abdul Latiff: 2009).

Setiap tamadun dalam sejarah manusia mengalami zaman kemerosotan masing-masing. Menurut pendapat Ibn Khaldun, kemerosotan sesebuah tamadun disebabkan putaran sejarah. Pada awalnya, ia berjaya

kerana mengamalkan nilai-nilai murni, tetapi selepas mencapai kejayaan, nilai-nilai tersebut merosot kerana limpahan kemewahan dan penyelewengan. Namun ada juga sarjana berpendapat bahawa sesebuah tamadun merosot bukanlah disebabkan oleh hukum sejarah. Kemerostan boleh dielakkan sekiranya mereka belajar daripada sejarah dengan mengekalkan nilai-nilai yang baik.

Berdasarkan sejarah, sesebuah tamadun itu merosot antaranya disebabkan oleh faktor wujudnya jurang perbezaan yang ketara antara miskin dengan yang kaya. Selain itu, faktor berleluasanya penindasan dan kezaliman sehingga hak-hak asasi manusia diketepikan. Berlakunya keruntuhan moral dan nilai dalam masyarakat, terutama di kalangan pemimpin. Wujud sikap tertutup dan tidak mahu menerima perubahan, terutamanya dari segi sains dan teknologi, struktur politik, ekonomi dan sosial. Hal ini kerana sikap tertutup ini menghalang kepada peningkatan daya kreativiti dan seterusnya menyebabkan masyarakat tersebut hidup dalam kemunduran.

Misalnya, tamadun Islam Uthmaniyah runtuh kerana sikap tertutup mereka yang tidak mahu menerima perubahan teknologi sosial. Selain itu, faktor berlakunya malapetaka atau bencana yang menyebabkan kerosakan besar-besaran. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini berada di luar kemampuan manusia untuk menghalangnya daripada terjadi. Namun, ketidakstabilan politik juga dianggap sebagai kelemahan yang membawa kepada kemerostan dan keruntuhan sesebuah tamadun. Contohnya, Tamadun Mesopotamia yang tidak mempunyai sistem pertahanan semula jadi seperti Mesir, begitu juga empayar Melaka yang runtuh akibat ketamakan kuasa, tidak bersatu dan serangan Portugis pada tahun 1511 Masihi (Ahmad Zaki Abdul Latiff: 2009).

1.3.10 Strategi Menangani Perbezaan Dalam Berinteraksi

Islam sebagai agama universal tidak pernah sama sekali menafikan hakikat kewujudan tamadun lain bahkan amat menitik beratkan interaksi serta telah menggariskan beberapa strategi yang perlu dipatuhi oleh orang Islam dan bukan Islam. Antaranya:

(a) Mematuhi prinsip kebebasan beragama

Prinsip ini hendaklah menjadi kayu pengukur dalam sikap toleransi antara tamadun. Agama menjadi prinsip pegangan sesebuah masyarakat yang menggerakkan sesebuah tamadun. Dalam hal ini, Islam sendiri jelas berpegang kepada prinsip kebebasan beragama sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sudah nyata petunjuk kebenaran daripada kesesatan. Oleh itu, sesiapa yang tidak mempercayai Taghut dan percaya akan Allah maka ia telah berpegang kepada tali yang teguh yang tidak akan putus. Dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui”.

(Surah al-Baqarah 2:256)

Firman Allah yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad); “Hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku”.

(Surah al-Kafirun:1-6)

Kedua-kedua ayat tersebut jelas memperlihatkan sikap hormat yang dianjurkan oleh Islam ke atas penganut agama lain tanpa melakukan sebarang paksaan dalam mengajak mereka ke dalam Islam. Secara tidak langsung memperlihatkan hak umat Islam untuk melaksanakan suruhan dan larangan agamanya tanpa sebarang sekatan dan gangguan oleh golongan bukan Islam. Dengan kesefahaman inilah tertegaknya keamanan, kesejahteraan dan keharmonian hidup antara masyarakat sebagaimana yang

telah dilakukan oleh Baginda Rasulullah saw ketika mewujudkan negara Islam Madinah suatu masa dahulu.

(b) Mengelak tiga gejala buruk: Ekstremisme, Cauvinisme dan Fanatisme

Bagi mengekalkan interaksi bertamadun ini juga, Islam menganjurkan umat manusia supaya menjauhi sikap melampaui batas, taksub dan fanatik. Ekstremisme diambil dari bahasa latin *extremus* (dari kata *exter*) yang bererti di luar, pada tingkat atau kadar yang paling maksimum, terletak di tempat yang paling jauh dari sentral, melampaui kadar biasa dan keadaan yang berlebih-lebihan. Manakala dalam bahasa Arab ia sinonim dengan perkataan *tasyaddud* dan *ghuluw* yang bermaksud berlebih-lebihan, keterlaluan dan melampaui batas. Secara terminologinya, ekstemisme boleh didefinisikan sebagai suatu sikap fikiran atau tindakan yang berlebih-lebihan dan melampaui batas yang dibenarkan hingga tersasar dari akal yang sihat dan agama yang sejahtera. Ia jelas dinyatakan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar”.

(Surah al-Nisa’ 4:171).

Cauvinisme atau taksub pula bermaksud sikap yang menunjukkan pendirian atau semangat yang keterlaluan (melampau) dalam memperjuangkan kepentingan kaum atau golongan tertentu. Sikap yang merasakan hanya pendapat dirinya atau kelompoknya sahaja yang benar manakala fikiran atau pandangan orang lain semuanya salah.

Fanatik pula ialah sikap keterlaluan pada sesuatu pegangan atau pendirian (biasanya yang bersangkutan dalam hal keagamaan). Sikap member ketaatan secara membabi buta tanpa memperdulikan orang lain. Ketiga-tiga gejala ini kesemuanya menjurus kepada aspek melampau dalam

menangani sesuatu perkara. Ianya jika disertai oleh sikap menekankan pendirian sendiri ke atas orang lain secara paksaan, kekerasan dan militant akan mengundang perbalahan, konflik dan pertumpahan darah. Justeru dalam konteks integrasi ketamadunan, gejala-gejala ini perlu dihindari demi mencapai keamanan sejagat.

(c) Berdailog secara aman dan bijaksana

Dalam membina sesebuah tamadun, pasti akan berlaku beberapa pertembungan yang boleh mengugat pembangunannya. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, aspek ketuhanan dan politik merupakan dua aspek yang menonjolkan perbezaan yang besar antara tamadun. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi situasi inidalam usaha mencari titik persamaan maka perlu diadakan dialog antara peradaban secara terbuka dan persamaan maka perlu diadakan dialog antara peradaban secara terbuka dan telus. Perbahasan perlu dilakukan secara ilmiah, meghormati perbezaan pandangan yang lahir dari perbezaan latar belakang agama, budaya, bangsa mahupun etnik. Tanpa meninggalkan nilai-nilai kesoapanan, kesantuhan budi bahasa serta menjaga adab-adab dalam perdebatan sebagaimana yang dianjurkan oleh Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan himmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik”.

1.3.11 Kepentingan dan Keperluan Interaksi

Antara kepentingan interaksi antara tamadun ialah proses perkembangan berterusan setiap tamadun. Tamadun yang tidak berinteraksi akan menjadi jumud dan kaku. Manakala tamadun yang berinteraksi akan mengalami siri perkembangan untuk terus maju, bersurvival dan bertahan. Antara aspek yang boleh dipertahankan dalam proses interaksi ini ialah nilai-nilai universal setiap tamadun. Begitu juga aspek-aspek kemajuan yang ada

dalam setiap tamadun seperti aspek politik, ekonomi, sosial, kemahiran teknikal dan sebagainya boleh dipelajari dan dipindahkan daripada tamadun yang maju kepada tamadun yang kecil (Zulkiflee Haron: 2010).

Melalui interaksi juga salah faham dapat dihindarkan dan tempatnya digantikan dengan saling memahami antara satu sama lain. Umpamanya, tamadun Islam sebagai *al-Din* (satu cara hidup) yang mencakupi seluruh kehidupan manusia seringkali disalah ertikan oleh kebanyakan manusia pada hari ini. Islam bukan sekadar ibadat rutin atau retorik semata-mata tetapi Islam merupakan agama yang mencakupi dasar keimanan dan kepercayaan (rukun iman), ibadat khusus (rukun Islam), nilai akhlak, ikhlas serta ihsan, muamalat (iaitu interaksi, transaksi dan komunikasi sosial yang melibatkan aspek pendidikan, ekonomi, politik, pemerintahan, pertahanan, perundangan, pentadbiran, keselamatan, diplomasi, rekreasi mahupun hubungan antarabangsa tertakluk kepada hukum yang diwahyukan Allah SWT, *mua'asyarat* (segala elemen budaya), adat norma, nilai, pemikiran, falsafah kesenian serta kesusasteraan), *munakahat* (meliputi aspek nikah kahwin, perhubungan kekeluargaan, persaudaraan mahupun warisan) dan jenayah (perbuatan yang merosak dan membahayakan masyarakat, individu dan harta benda) (Zulkiflee Haron: 2010).

Oleh yang demikian, segala bentuk tindakan umat Islam dalam seluruh aspek kehidupan mereka dikawal oleh undang-undang syariah yang dibentuk oleh Allah SWT adalah sah dan ia tidak boleh dikritik atau dipersoalkan oleh agama lain apatah lagi ditentang oleh masyarakat bukan Islam kerana ia dianggap sebagai penentangan terhadap agama yang sangat bahaya dan boleh menjurus kepada konflik agama. Islam telah sekian lama mendefinisikan makna interaksi ini dalam kehidupan masyarakat majmuk yang sebenarnya melalui toleransi budaya, masyarakat mahupun agama sebagaimana yang termaktub dalam sejarah generasi pertama Islam di Madinah mahupun zaman Khulafa al-Rasyidin serta pemerintahan Islam selepasnya (Zulkiflee Haron: 2010).

1.4 KESIMPULAN

Nilai universal adalah nilai sejagat yang diamalkan oleh semua tamadun. Pembinaan sesebuah tamadun perlu didasarkan kepada perletakan yang kukuh bagi memungkinkan kesinambungannya berterusan. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai nilai ini tidak dapat lari daripada pemusatan pandangan semesta yang menjadi pengukur utama kepada pengamalan nilai dalam mana-mana tamadun. Tamadun Islam yang berpaksikan kepada tauhid meletakkan segala pencapaian nilai kepada unsur tauhid dan keredhaan Allah SWT. Berbeza dengan tamadun-tamadun yang lain di mana sebagai contohnya barat menjadikan keupayaan manusia dalam menterjemahkan kemajuan sebagai ukuran utama. Tanpa interaksi yang positif serta mengalami perubahan, sesebuah peradaban akan beku, jumud, mundur seterusnya musnah. Dengan menyedari hakikat bahawa integrasi antara tamadun ini merupakan penyumbang kepada penerusan kecemerlangan sesuatu tamadun bangsa, maka ianya perlu dipelihara agar kerukunannya dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Ia sekaligus membuka ruang perbahasan yang sihat dengan minda yang terbuka serta penuh berhikmah. Sekaligus mengurangkan syak wasangka dan prejudis kaum lain terhadap Islam yang dianuti oleh bangsa Melayu di Malaysia. Maka di sini jelaslah bahawa teras konsep-konsep kehidupan dan pencapaian matlamat hidup dalam tamadun-tamadun tradisional mempunyai beberapa ciri persamaan. Namun terdapat juga persoalan-persoalan tertentu terutamanya berkaitan dengan teologi di mana wujud beberapa perbezaan yang harus kita fahami. Dalam memahami persamaan dan perbezaan antara tamadun dengan tamadun yang lain, ini akan mendorong kita untuk lebih bersikap toleransi ke arah mewujudkan keharmonian sejagat. Ini secara tidak langsung memberi ruang kepada seluruh manusia untuk berinteraksi secara positif ke arah kehidupan yang lebih saksama dan tenteram.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Afifah Abu Yazid. (2003). *Pengajian Tamadun Asia*. Pahang :PTS Publication & Distributors Sdn.bhd.
- Ahmad Fauzi Morad. (1997). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: UPM.
- Ahmad Zaki Latif et al. (2009). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin.(1995). *Agama dan Perubahan Sosial di kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu (terjemahan)*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Hj. Mad Aros. (2007). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Kertas 1 dan 2*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Azhar Mad Aros. (2006). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Azhar Muhammad. (2002). *Pengantar Institusi-institusi Islam*. Johor: UTM.
- Aziz Deraman. (2003). *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandra Muzaffar, Che Wan Jasimah Wan Mohd Radzi, Hashim Musa dan Mohd Zuhdi Marsuki.(2002). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Esposito, J.L. (1995). *The Oxford Encyclopedia of The Modern Islamic World*.Vol.IE.Oxford: University Press.
- Ezad Azraai Jamsari & Zamri Arifin. (2006). *Prosiding Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan Politik, Ekonomi, Sosial & Intelektual Era 'Abbasi*. Selangor: UKM.
- Ezad Azraai Jamsari. 2004. *Pengajian Islam*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Fairuzah Hj. Basri et al. (2008). *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu: Perkembangan dan Isu Kontemporari*. UiTM: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

- Hashim Musa.(2005).*Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Hasnah dan Mardiana.(2000). *Pengajian Malaysia*.Selangor:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Lelawati Abdul Hamid. (1997). *Kecemerlangan Tamadun Islam*. Shah Alam: UITM.
- M.Rajantharan.(1999). *Sejarah Melayu : Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Herzali Muhammad Haled. (2009). *Modul Pengajian Islam Peringkat IPTS*. Selangor: MSU.
- Mohd Noh Mamat & Mujaini Tarimin. (2002). *Peradaban Asia (TITAS 2)*. Shah Alam: UITM.
- Mohd Shauki Abd Majid. (2006). *Wacana Ketamadunan dalam Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Ibook Publication Sdn.Bhd.
- Muhammad Syukri Saleh. (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn.Bhd.
- Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad. (2009). *Kenalilah Tamadun (Al-Hadharah)*. Shah Alam: UPENA.
- Ramlah Adam.(2004). *'Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra'*.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Awang. (2007). *Islam dan Isu-isu Semasa*. Johor: UTM.
- Said Ramadhan al-Buti. (1982). *Manhaj al-Hadharah al-Insaniyyah fi al-Qur'an*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Sazelin Arif, et.al. (2007). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Selangor:McGraw-Hill Sdn.Bhd.
- Wing Tsit Chan, et. al. (1969). *The Great Asian Religions, An Anthology*. New York: Macmillan New York, Amerika Syarikat.
- Yusuf al-Qaradhawi. (1999). *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*. Juanda Haji Jaya (pent.), Selangor: Maktabah al-Qaradhawi.
- Za'ba.(1962). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkiflee Haron et al. (2010). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. UTM: Fakulti Tamadun Islam.

Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin dan Ramli Awang. (2005). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Skudai: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM.


Zulkifli Dahalan, et. al. (2009). *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam*. Selangor: UPENA.

Internet

http://ms.wikipedia.org/wiki/Perang_Salib

http://ms.wikipedia.org/wiki/Serangan_11_September_2001.

http://en.wikipedia.org/wiki/Ethnic_cleansing.



Rajah 2 : Bab 2 Nilai-nilai Universal Dalam Tamadun Islam

SOALAN REVISI

1. Galurkan **LIMA (5)** langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai universal di Malaysia. (10 Markah)
2. Analisis **TIGA (3)** strategi yang perlu diambil untuk menangani perbezaan dalam berinteraksi di Malaysia. (6 Markah)
3. Cadangkan **EMPAT (4)** langkah yang praktikal bagi mewujudkan interaksi yang positif antara kaum di Malaysia. (8 Markah)
4. Berdasarkan penelitian anda, jelaskan **DUA (2)** sebab mengapa nilai keilmuan memainkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah tamadun. (4 Markah)
5. Nyatakan **DUA (2)** peristiwa yang telah berlaku kesan daripada interaksi yang negatif (2 Markah)



Pengenalan TAMADUN & PEMIKIRAN ISLAM KONTEMPORARI

Buku bertajuk Pengenalan Tamadun Dan Pemikiran Islam Kontemporari merupakan sebuah hasil penulisan yang cuba mencungkil mutiara-mutiara hikmah dilubuk peradaban manusia agung. Tamadun Islam bangkit dengan penuh hikmah. Manakala sejarah kehebatannya dinilai dan dipelajari oleh seluruh kelompok manusia di dunia. Tamadun yang berpaksikan nur Islam ini telah jauh menerangi dunia dikala manusia semua bermegah-megah dengan kebolehan yang ada. Beberapa isu kontemporari turut diselitkan dalam perbincangan ini agar ianya menepati inspirasi pelajar dan masyarakat di luar sana, berkaitan isu-isu dunia umat Islam. Adalah diharapkan penulisan ini dapat menjadi nilai tambah kepada perbendaharaan ilmu yang sedia ada demi memantapkan lagi kefahaman serta meleraikan segala permasalahan ummah di era globalisasi kini.

Penulisan ini dilakukan oleh sekumpulan pensyarah Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM Kedah. Ianya berdasarkan sukatan terbaru kursus CTU 151 Pemikiran Dan Tamadun Islam, semakan 2011. Jesteru itu, diharap melalui penulisan kecil ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga pembaca khususnya untuk mendalami sejarah tamadun Islam dan juga susur galur perkembangan umat Islam hingga kini. Semoga pendekatan ini menyertahkan lagi keupayaan tamadun Islam dalam menangani pelbagai cabaran yang dihadapi khususnya masyarakat di Malaysia.